


Jilid III
Bil. 64

Hari Khamis
12hb Januari, 1978



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 7175]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 7176]

Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) [Ruangan 7187]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 7222]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian,
DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Undang-undang, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATUK HAJI
ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL
GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD,
D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL
CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Pelajaran, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK DR. NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pernubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

- Yang Berhormat DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TAN SRI DATO' LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).

Yang Berhormat TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
„ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
„ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
„ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
„ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
„ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
„ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
„ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
„ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Kuala Kangsar).
„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb Januari, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua perkara yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN), 1978

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Januari, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sedang menyampaikan ucapannya pada masa Dewan ini ditangguhkan pada hari semalam dan saya jemput Ahli Yang Berhormat itu menyambung ucapannya.

2.37 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya katakan malam semalam tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan ialah untuk mengurangkan backlog.

Pada pendapat saya backlog cuma akan dikurangkan berkaitan dengan kes-kes

Mahkamah Tinggi kerana kebanyakan daripada bidangkuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi sekarang telah dipindahkan kepada Mahkamah Sesyen. Oleh sebab itu, dengan secara langsung beban di Mahkamah Sesyen dan counter effectnya juga di Mahkamah Majistret akan bertambah dan ini sudah tentu menimbulkan menambahkan lagi backlog kepada Mahkamah Majistret dan juga Mahkamah Sesyen.

Selain dari itu, saya ingin berbalik kepada masalah-masalah yang sudah tentu akan timbul. Mengikut penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada malam semalam dengan lulusnya Rang Undang-undang ini Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen akan ditambah bilangannya. Ini satu tindakan yang baik, tetapi saya minta tugas perhakiman ataupun perundangan bukan sahaja terlibat Majistret ataupun Yang di-Pertua Mahkamah Tengah, dia juga terlibat Jurubahasa dan juga kakitangan-kakitangan dan Jurubahasa juga terlibat beberapa kategori — Jurubahasa Cina, Jurubahasa India dan Jurubahasa Melayu. Kalau tidak ada mana-mana pegawai-pegawai ini perbincangan sudah tentu tidak dapat dijalankan dan ini akan menyebabkan perbincangan ditangguh.

Di atas kedudukan taraf pegawai-pegawai ini, sebagaimana yang saya katakan pada petang semalam, di manakah kita hendak letak taraf dan kedudukan Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen apabila Undang-undang ini dilaksanakan. Adakah kita hendak biar mereka ini menjalankan persidangan mereka di mahkamah-mahkamah yang ada sekarang di mana mahkamah-mahkamah ini boleh dikatakan di seluruh Semenanjung Malaysia yang saya tahu keadaannya begitu buruk. Tetapi walau bagaimanapun, dengan adanya Menteri yang berkenaan yang begitu arif dalam keadaan ataupun kedudukan mahkamah semasa beliau jadi seorang peguam dahulu, dan saya nampak dalam Dewan yang mulia ini juga ada Ketua Pendaftar, ada juga

Timbalan beliau, saya harap masalah mahkamah ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara yang mendokong kedaulatan undang-undang, kedudukan mahkamah dan juga pegawai-pegawai mereka hendaklah diberi tempat yang setaraf, yang setanding dengan tugas mereka yang dipertugaskan oleh undang-undang kepada mereka. Dua tiga tahun dahulu kita ada dengar bahawa Kerajaan akan mendirikan Dewan Keadilan (Hall of Justice) tetapi apa telah jadi sehingga sekarang saya pun tidak tahu. Apabila saya semak dalam laporan Anggaran Belanjawan tidak ternampak oleh saya peruntukan-peruntukan untuk membiayai Hall of Justice dan Mahkamah-mahkamah Rendah dan Tengah. Kalau kita kaji dan semak betul-betul peruntukan yang diberi pada tahun 1977, sungguhpun disebutkan \$11,572,000 tetapi apabila kita kaji semula kita dapati bahawa Kerajaan tidak rugi satu sen pun kepada Jabatan Kehakiman ini. Saya kata begitu kerana sungguhpun mahkamah ataupun perhakiman bukan satu revenue earning agency tetapi kalau kita semak daripada laporan ini pada tahun 1977 sahaja hasil yang dikutip daripada mahkamah, iaitu daripada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Tengah dan juga Mahkamah Majistret \$12,749,500 padahal Kerajaan beri peruntukan kepada Jabatan ini cuma \$11,572,000. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan tidak rugi satu sen pun kepada Jabatan ini, sebaliknya Kerajaan dapat untung. Jadi seolah-olah mahkamah-mahkamah kita sudah menjadi sebagai satu revenue earning agency. Oleh sebab itu, saya minta supaya apabila Undang-undang ini dilaksanakan mestilah kita jaga taraf dan kedudukan mereka, terutama sekali Yang di-Pertua Mahkamah dan juga Majistret setanding, setimpal dengan tugas yang dipertugaskan kepada mereka ini.

Begitu juga gaji. Gaji juga perlu dipertimbangkan kerana tugas perhakiman bukan seperti lain-lain tugas di mana seorang pegawai itu menjalankan tugasnya dalam suasana relax dalam bilik air-conditioned boleh hisap rokok,

boleh minum dan sebagainya tetapi tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai ini berlainan, mereka terpaksa mendengar, meneliti perbicaraan seperti jugalah tugas-tugas yang dijalankan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini.

Selain daripada gaji, kemudahan-kemudahan juga mesti diberi kepada mereka ini, kalau tidak mereka ini akan berhenti dan lari ke tempat lain dan apabila ini berlaku masaalah akan timbul juga iaitu kekurangan Pegawai-pegawai Kehakiman dan apabila ini berlaku backlog sudah tentu akan timbul, akan bertambah.

Itulah sedikit-sebanyak pendapat saya dan kalaulah masaalah-masaalah ini dapat diatasi, saya yakin dan percaya bahawa faedah yang begitu besar akan dinikmati oleh negara kita kerana tidak akan terdapat sebagaimana yang kita dapati sekarang satu-satu kes akan ditangguhkan kadang-kadang sampai dua tiga tahun. Saya yakin dan percaya dengan adanya Menteri berkenaan yang begitu matang, begitu berpengalaman dalam masaalah ini, dengan adanya Ketua Pendaftar yang begitu arif, yang begitu ketahui dalam masaalah ini, saya yakin dan percaya Undang-undang ini dapat dijalankan dengan sempurnanya.

2.47 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini yang bertujuan meluaskan bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Rendah kita serta membolehkan mahkamah melupuskan kes-kes dengan cara yang lebih cepat dan cekap.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh iaitu terdapat beribu-ribu kes yang belum diselesaikan di Mahkamah-mahkamah Rendah kita. Sebenarnya, kita boleh melihat pada muka surat 37 buku Anggaran Belanjawan, 1978 di mana bilangan kes-kes jenayah dan sivil yang belum diselesaikan pada tahun 1977 adalah dianggarkan sebanyak 9,891 kes. Jadi

ternyatalah bahawa Mahkamah-mahkamah Rendah kita tidak dapat menampung beban kerja yang terdapat sekarang. Adalah dikatakan bahawa keadilan yang dilambatkan adalah keadilan yang dinafikan (justice delayed is justice denied) dan kes-kes harus diselesaikan dengan secepat mungkin.

Saya mengetahui bahawa bilangan hakim-hakim di Mahkamah-mahkamah Tinggi adalah dihadkan mengikut Undang-undang atau Perlembagaan, tetapi bilangan President atau Majistret Mahkamah-mahkamah Rendah tidak dihadkan. Sebagai satu langkah jangka panjang untuk menampung jumlah kes-kes yang semakin bertambah itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya lebih ramai Majistret dilantik seperti dirancangan. Mungkin Kerajaan boleh berkata tambahan Majistret akan memerlukan tambahan bangunan mahkamah tetapi pada pendapat saya bilangan Majistret tidak semestinya sama dengan bilangan bangunan mahkamah kerana seorang Majistret boleh menjalankan tugasnya di mana-mana juga, sebaliknya buat sementara ini terdapat lebih bangunan-bangunan mahkamah daripada bilangan Majistret. Adalah menjadi hakikat bahawa pada masa sekarang oleh kerana kekurangan Majistret beberapa Majistret terpaksa berkhidmat di dua atau lebih kawasan.

Sebagai satu langkah jangka pendek saya mencadangkan supaya lebih pegawai pentadbir daripada MCS (Malaysian Civil Service) dilatih sebagai Second Class Magistrate. Beberapa tahun yang lalu beberapa orang pegawai MCS telah dilatih dan program itu patut dihidupkan semula. Pegawai-pegawai atau Second Class Magistrate itu boleh mendengar kes-kes kesalahan kecil atau kurang penting seperti basikal tidak berlampu, orang-orang yang tidak membawa kad pengenalan dan sebagainya.

Satu langkah lain yang boleh diambil ialah pegawai-pegawai polis diarahkan menggunakan kuasa compound atas kes-kes yang boleh dicompound sungguhpun bayaran compound

itu dinaikkan, jika perlu, supaya orang-orang tidak digalakkan membuat kesalahan-kesalahan kecil. Saya percaya langkah-langkah tersebut boleh mengurangkan beban kerja Majistret kita sekarang.

2.52 *ptg.*

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan), 1978 dan di samping menyokong, saya ingin memberi pandangan di atas satu dua perkara sahaja dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn oleh sebab Kerajaan pada hari ini akan mengadakan sistem yang baru supaya Jabatan Perhakiman dapat memudahkan pembicaraan-pembicaraan di Mahkamah Rendah dan dengan mengadakan dua mahkamah dan juga akan meluaskan bidangkuasa iaitu supaya dapat menampung kehendak-kehendak perhakiman pada masa yang akan datang dan juga menambahkan bidangkuasa Mahkamah-mahkamah sesyen dalam kes-kes jenayah dan sivil. Maka ini sudah tentu akan dijangka dapat mengurangkan beban Mahkamah Tinggi yang amat berat sekarang. Dan sistem baru ini juga perlu memulihkan mahkamah melupakan kes-kes yang ada sekarang dengan lebih cepat dan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang, bolehkah atau tidak Jabatan Kehakiman ini mengadakan tape-recorder untuk membetulkan ucapan-ucapan seorang yang dibicarakan di waktu beliau dibicarakan di Mahkamah Rendah di Sarawak dan Sabah.....

Tuan Yang di-Pertua: Ini terkeluar sedikit daripada perkara yang asal. Ini Rang Undang-undang (Pindaan), kalau dapat tumpukan kepada pindaan.

Tuan Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di masa yang lampau bila tiap-tiap seorang itu dibicarakan di Mahkamah Rendah, Jabatan Kehakiman memang adalah dengan mengadakan Jurubahasa (Interpreter) untuk seorang yang dibicarakan dalam Mahkamah, akan tetapi saya ingin tahu adakah benar Jurubahasa itu menjalankan translation mereka dengan betul atau tidak pada Jurutulis Kehakiman. Dan sebetulnya saya fikir Jabatan Kehakiman ini patutlah dengan mengadakan tape-recorder kerana ini boleh menyaksi dengan lebih mudah untuk membetulkan seorang yang dibicarakan.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak sekarang tanah amat luas dan kebanyakan tanah di luar bandar itu dipunyai oleh kaum Iban dan kebanyakan tanah itu juga tidak ada Q.T. dan manusia sekarang makin setahun makin bertambah ramai dan tanah makin setahun makin kecil. Oleh yang demikian, kes-kes tanah di Sarawak makin setahun makin bertambah. Saya dapati kes tanah-tanah yang tidak ada title itu tidak dibenarkan dibicarakan di Mahkamah Rendah akan tetapi kes-kes ini dibicarakan di bawah tiga orang Penghulu di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kes tanah yang tidak ada title ini kadang-kadang sampai lima tahun dibicarakan. Saya fikir kes tanah yang dibicarakan ini patutlah diukur oleh Jabatan Pengukuran supaya kes-kes tanah itu dapat diselesaikan oleh Mahkamah Rendah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu juga ingin saya mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Undang-undang dapat mengambil perhatian dan menambahkan pegawai-pegawai ataupun Majistret Kelas Satu di Sarawak terutama bangsa Iban oleh kerana banyak kes-kes tanah itu di antara Iban sama Iban di Sarawak dan saya berharap Kementerian ini dapat memberi pertimbangan yang besar dan menghantar banyak lagi bangsa Iban untuk dilatih keluar negeri.

2.56 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dan saya juga sependapat dengan rakan-rakan saya yang lain.

Saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang ini moga-moga dapatlah segala kes-kes yang kita dapati sampai setahun ataupun dua tahun walaupun kes itu kecil kadang-kadang pihak yang bersalah datang hendak bicara tetapi pihak hakim dan sebagainya tidak ada. Maka dengan sebab adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini saya berharap seboleh-bolehnya selain daripada kita meluaskan bidangkuasa maka hendaklah juga kita tambahkan hakim-hakim khasnya di Mahkamah Rendah sebagaimana saya katakan tadi kita amatlah sedih bila seseorang itu datang bicara dengan mengeluarkan wang yang kita belum tentu dia itu salah ataupun belum lagi tetapi tidak dapat dibicarakan dengan sebab hakim dan sebagainya tidak ada. Maka dengan sebab itu, saya berharaplah selain daripada pindaan ini selain daripada ditambah bidangkuasa hakim-hakim itu patutlah juga ditambahkan jangan sampai melibatkan banyak orang-orang menjamin dan sebagainya.

Yang kedua, kalau boleh dengan meluaskan bidangkuasa ini juga saya suka membangkitkan dan biasa dibangkitkan dalam Dewan ini oleh seorang daripada peguam walaupun dia daripada Dewan Rakyat tetapi sebagai seorang peguam yang tidak payah saya sebut nama, memandangkan kepada kuasa kita luas, hukuman kita tambah maka saya berpendapat patutlah juga saksi-saksi itu kita kaji dan kita bagi janganlah bagi kadar lama iaitu kadar seorang \$3 tetapi patutlah kita naikkan dengan memandangkan kerana kos perbelanjaan hari ini untuk menyesuaikan dengan berbagai-bagai keadaan.

2.58 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat dari Permatang Pauh, Telok Anson, Batang Lupar dan Kangar kerana cadangan-cadangan dan peninjauan-peninjauan yang mereka telah kemukakan kepada saya melalui Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ingin tahu dimanakah Kerajaan hendak mencari Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen yang cukup berpengalaman untuk membicarakan jenis kes-kes yang sekarang dibicarakan di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini telah dikaji dan memang ada cukup pegawai-pegawai yang diperlukan itu yang mana kebanyakan mereka mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dalam perkhidmatan undang-undang.

Berkenaan dengan Mahkamah Majistret pula saya telah menyatakan dalam ucapan saya semalam bahawa Kerajaan bercadang mengambil lebih ramai lagi Majistret dari beberapa sumber termasuk Perkhidmatan Tadbir Awam dan lain-lain. Dengan bertambahnya bilangan pegawai-pegawai bukan sahaja di kedua-dua peringkat ini bahkan di semua peringkat termasuk kakitangan pembantu iaitu supporting staff seperti jurubahasa, kerani, bailiff dan sebagainya adalah dijangka bahawa backlog di mahkamah berkurangan di tahun-tahun yang akan datang.

Mengenai soal gaji pengadil-pengadil, saya telahpun menyebut tentang cadangan Kerajaan untuk meningkatkan gred Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen supaya setimpal dengan tambahan kuasa mereka dan ini bererti bahawa gaji mereka juga akan dinaikkan. Kekuatiran beliau berkenaan dengan backlog ini saya rasa adalah menasabah akan tetapi saya ingin menyenangkan hati beliau iaitu Kerajaan memang berhasrat supaya kerja baik ataupun high standard Jabatan Kehakiman ini akan diteruskan taraf yang tinggi itu sejak lama dahulu menjadi suatu kebanggaan negara kita, sebagai jabatan ke mana rakyat kita sentiasa boleh

dan dapat menuntut keadilan. Dengan pengetahuan dan juga keyakinan penuh bahawa semua hakim kita akan terus menjalankan tugas-tugas mereka dengan tiada ketakutan dan pilih kasih seperti tradisi yang memang telah dikekalkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dewan Keadilan, rancangan ini telah terpaksa diketepikan dalam tahun 1974 kerana rancangan ini memerlukan perbelanjaan yang tersangat banyak. Bagaimanapun, suka saya menyatakan di sini bahawa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi dijangka akan berpindah ke Bangunan Sultan Abdul Hamid dalam tahun ini. Dan apabila sudah kita masuk ke bangunan itu, maka akan wujudlah lebih banyak ruang lagi untuk diduduki oleh Yang Arif-Yang Arif Hakim-hakim kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Telok Anson telah mencadangkan bilangan Majistret itu ditambah, dan ini memanglah hasrat Kerajaan selepas meluluskan Rang Undang-undang yang kita sedang bahaskan ini untuk menambahkan lagi Yang di-Pertua-Yang di-Pertua dan Majistret-majistret di mana-mana yang perlu pada semasa ke semasa. Cadangan beliau bahawa tidak perlu menempatkan Majistret ataupun hakim-hakim di tempat di mana ada bangunan Court kerana Majistret-majistret kita dapat menjalankan circuit, suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telahpun menjadi tajuk (topic) satu kajian yang sangat halus dan mendalam dan didapati pada keseluruhannya walaupun Majistret kita dapat menjalankan circuit itu akan tetapi apabila Majistret kita melawat bangunan Court itu terpaksa Majistret itu membawa supporting staff seperti jurubahasa, kerani, bailiff dan sebagainya. Dan kajian ini telah menunjukkan bahawa ini adalah satu amalan yang sangat membazir dan lagi kurang cekap, maka oleh sebab itulah kita telah mencadangkan bahawa supaya sedaya-upaya Majistret kita dapat ditempatkan di mana-mana ada Court pada masa sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar menyentuh dua perkara. Pertama, beliau ingin mengambil tahu adakah jurubahasa yang menjalankan tugas mereka dalam mahkamah kita menjalankan tugas-tugas mereka itu dengan betul. Saya suka menyatakan di situ jawapannya ada, kerana jurubahasa-jurubahasa kita dilantik daripada jurubahasa-jurubahasa yang terlatih dan mereka itu diminta bertugas dalam sesuatu kes yang sesuai dengan kebolehan mereka itu mengikut kemahiran di kes-kes yang ada dibicarakan.

Kedua, berkenaan dengan kes-kes tanah di Sarawak, cadangan mereka itu memanglah akan diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan dan di mana-mana yang boleh semua kelemahan yang ada itu dapat dibetulkan pada semasa ke semasa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telahpun memberikan sokongan atas Rang Undang-undang ini dan apa-apa cadangan yang telah dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan ditimbang dengan baik dan di mana-mana juga yang boleh dan perlu tindakan akan diambil kelak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang undang.

Fasal 11 —

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 11, sepertimana kertas pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pindaannya seperti berikut:—

Fasal 11 — Gantikan perkataan-perkataan “Sections 66 to 74” dalam Seksyen 93 (1) dengan perkataan-perkataan “Sections 66 to 70 and 72 to 74”.

Clause 11 — Substitute for the words “Sections 66 to 74” in Section 93 (1) the words “Sections 66 to 70 and 72 to 74”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 11 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.11 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, adapun Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 telah dikanunkan dalam tahun 1974 tetapi pada waktu itu tiada peruntukan telah dibuat berkenaan dengan kerja-kerja tanah ataupun earth works. Ini

adalah disebabkan peruntukan kerja-kerja tanah itu hanya dibuat dalam tahun 1975 dengan cara pindaan kepada Ordinan Perbandaran Enakmen Lembaga Bandaran dan undang-undang serupa dengannya. Sebagaimana terdapat dalam Akta Lembaga Perbandaran dan Bandaran (Pindaan) 1975 tanpa peruntukan-peruntukan berkenaan dengan kerja-kerja tanah ini maka Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 itu tidaklah lengkap. Maka sekarang perlulah peruntukan kerja-kerja tanah ini dimasukkan ke dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 bertujuan untuk membetulkan suatu kesilapan taip sahaja. Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menjalankan kawalan mengenai kerja-kerja tanah. Peruntukan dibuat bagi pihakberkuasa tempatan untuk mengenakan syarat-syarat pada memberi sesuatu kelulusan mengenai pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang dikemukakan. Pihakberkuasa tempatan adalah diberi kuasa untuk memerintahkan supaya kerja-kerja tanah diberhentikan atau memasukkan mana-mana tanah di mana kerja-kerja tanah sedang dijalankan dan melaksanakan apa-apa kerja atau mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu. Peruntukan juga dibuat bagi menghukum di atas kesalahan-kesalahan di bawahnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 71 Akta itu bagi maksud mengadakan peruntukan bagi menghukum orang-orang yang bertanggungjawab atas kegagalan bukan sahaja di satu-satu bangunan tetapi juga kerja tanah. Fasal 5 bertujuan untuk membuat pindaan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang ini telahpun dipersetujui oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dalam persidangannya pada 29hb Disember, 1977 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.13 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sukacita bahawa Rang Undang-undang ini dikemukakan untuk memberi kuasa kepada Penguasa Tempatan dalam mengawal pembinaan bangunan, jalan, parit, betung atau benteng atau untuk memasang sebarang kebel (cable) atau paip untuk menentukan keselamatan nyawa dan harta benda kiranya berlaku sebarang perkembangan yang tidak diinginkan oleh sektor swasta. Saya pasti dengan penguatkuasaan yang tegas peruntukan Rang Undang-undang ini, terutama sekali Fasal 3, Seksyen 70A, Seksyen kecil (1) hingga (5) ia akan mengawal jauh ke hadapan untuk mengelakkan segala jenis perkembangan yang tidak diinginkan yang mungkin akan membahayakan nyawa dan harta benda orang ramai.

Pada masa yang lampau, dengan tiadanya peruntukan seperti ini di dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan, terdapat banyak perkembangan yang tidak diinginkan yang hanya tidak sahaja menyebabkan kesusahan kepada orang ramai akibat banjir dengan serta-merta dan pemberhentian Lalulintas disebabkan oleh pembangunan yang tidak bertanggungjawab, tetapi juga nyawa dan harta-benda orang ramai juga terlibat dalam kemalangan-kemalangan yang ngeri seperti landslides dan jatuhnya benteng-benteng dan dinding di kawasan-kawasan perumahan.

Sementara saya hargai tujuan Rang Undang-undang ini, tentulah tidak berfaedah kiranya peruntukannya tidak dikuatkuasakan dengan tegas di mana peraturan-peraturan pembangunan tidak dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting, Penguasa-penguasa Tempatan dan berbagai-bagai jabatan hendaklah menunjukkan tauladan yang baik kepada pihak swasta dalam menjalankan projek pembangunan

mereka sendiri. Terutama sekali, adalah penting bagi Penguasa-penguasa Tempatan dan lain-lain jabatan seperti Talikom, L.L.N., Jabatan Kerjaraya, Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya hendaklah menyelaraskan antara satu dengan lain sebelum sebarang projek dijalankan. Ini adalah ternyata dalam kes di mana pemasangan kebel oleh Jabatan Talikom atau pemasangan paip air oleh Jabatan Kerja Air kerana penggalan jalanraya adalah berleluasa di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Penggalan jalanraya yang sentiasa dilakukan kepada jalanraya oleh JKR, Talikom, Jabatan Kerja Air atau Lembaga Letrik Negara bukan sahaja menyusahkan pengguna-pengguna jalanraya tetapi adalah sangat merbahaya, kerana kemalangan jalanraya selalu berlaku apabila pemandu-pemandu tidak sedar yang jalan itu tidak ditambah dengan sepenuhnya apabila kerja itu separuh siap. Biasanya tanda amaran yang tidak mencukupi dari Jabatan yang berkenaan atau sub-contractor apabila satu lubang yang besar tertinggal tidak ditambus atau satu lubang yang besar sedang digali di tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, segala tindakan yang boleh hendaklah diambil oleh jabatan-jabatan yang berkenaan, untuk mengurangkan kemalangan yang membahayakan nyawa orang ramai dengan mengadakan amaran atau awasan yang cukup di tempat-tempat di mana kerja mereka belum selesai dengan sepenuhnya. Kalau ini tidak dijalankan, Penguasa-penguasa Tempatan atau jabatan-jabatan yang berkenaan adalah sama bersalah melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh didenda di bawah Akta ini.

Sementara Seksyen kecil (13) Seksyen 70A memperuntukkan bahawa Seksyen ini tidak kena pada kerja-kerja tanah yang dijalankan atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau mana-mana Kerajaan Negeri, ini sepatutnya tidak mengecualikan Kerajaan atau mana-mana Jabatan Kerajaan dari tanggungan jika berlaku kemalangan kepada seseorang atau

kerusakan kepada harta-benda persendirian akibat kecuaihan pihak Kerajaan atau wakilnya dalam membuat kerja-kerja pembangunan seperti ini.

Adalah sangat tidak adil bagi Kerajaan atau sebarang Penguasa Tempatan atau wakilnya untuk mengenenepikan tanggungjawabnya atau tanggungannya kerana kerosakan yang berlaku kepada orang ramai.

Dalam hubungan ini, suka saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini, satu kes, di mana nyawa orang persendirian terugat akibat kerosakan kepada rumah mereka yang berlaku kerana kerja-kerja tanah yang dibuat oleh Dewan Bandaraya bagi sekim rumah murahnya di Kampung Congo, Cheras, Kuala Lumpur. Sebanyak lebih kurang 12 buah rumah terrace dari rumah No. 55 hingga No. 71 di Jalan Midah Barat, Taman Midah, Cheras, Kuala Lumpur mempunyai retak di dindingnya dan juga di lantai, akibat gegaran dalam kerja-kerja tanah yang melibatkan beberapa buah jentolak (bulldozers) untuk meratakan tapak rumah bagi peringkat yang kedua projek perumahan di Kampung Congo yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya.

Rumah-rumah ini siap untuk diduduki dalam tahun 1974. Tanda-tanda retak di dinding dan lantai serta juga longkang belakang mula ternampak pada penghujung tahun 1976 apabila kerja-kerja tanah di belakang rumah-rumah ini dijalankan dengan rancaknya. Aduan-aduan dari tuan punya rumah-rumah yang terlibat kepada Dewan Bandaraya dan juga pemaju Taman Midah tidak diambil dengan serius kerana satu pihak sedang menyalahkan pihak yang lain. Pegawai-pegawai Bandaraya memberi alasan bahawa retak-retak itu adalah disebabkan oleh asas yang tidak kuat, sementara pemaju pula mengatakan disebabkan oleh kerja-kerja tanah di belakang rumah-rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan seorang pakar dalam pembinaan bangunan, atau asas tanah, saya merasa yakin

bahawa retak-retak ini disebabkan oleh kerja-kerja tanah yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya, kerana jalan-jalan belakang antara rumah-rumah ini dan tempat kerja tanah itu juga retak dan bahagian tertentu ada yang terbenam.

Saya harap, Menteri yang berkenaan akan mengarahkan Dewan Bandaraya untuk menyiasat perkara ini dengan tujuan memperbaiki keadaan atau memberi pampasan kepada tuan punya rumah-rumah yang rosak ini, kiranya perlu.

Sementara saya hargai tujuan Rang Undang-undang ini dalam mengawal pembangunan yang tidak diinginkan yang dijalankan oleh pihak swasta, bagaimanapun, saya mesti memberi awas kepada Penguasa Tempatan dalam menguatkuasakan Akta ini. Kuasa yang luas yang diberikan kepada Penguasa Tempatan hendaklah jangan disalahgunakan oleh mereka yang diserahkan kuasa untuk menadbir. Semua permohonan yang diserahkan oleh pihak swasta bagi kerja-kerja tanah kepada Penguasa Tempatan hendaklah jangan mengambil masa yang sangat lama untuk diproses atau diluluskan, kalau tidak pembangunan akan lambat akibat red tape yang sepatutnya tidak berlaku.

Akhirnya, saya suka hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini dan saya berharap ianya akan dikuatkuasakan dengan tegas dan adil kepada pemaju-pemaju swasta untuk menentukan pembangunan yang licin.

3.26 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan mengenai Akta yang dikemukakan oleh Kementerian ini, saya tertarik hati dengan Fasal 3 yang tujuannya untuk memberi kuasa kepada Penguasa Tempatan bagi mengawal penimbunan tanah atau penggalian parit ataupun pengubahsuaian kedudukan tanah dan

sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tujuan Fasal ini sebab kita lihat di mana-mana sahaja di dalam pembangunan yang pesat sekarang ini lebih-lebih lagi di dalam kawasan perbandaran, maka banyakkah terdapat kawasan-kawasan yang lembah ditimbun dan kawasan-kawasan yang tinggi dipotong — dibuang, parit-parit yang luas dipersempitkan, sungai-sungai yang boleh mengalirkan air ataupun mengelakkan daripada banjir sekarang ini sudah menjadi sempit dan menyebabkan banjir. Saya rasa inilah di antara tujuan-tujuan yang dimaksudkan oleh Kementerian ini bagi mengawal penimbunan tanah ataupun perubahan parit-parit.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak memang menjadi-jadi benar masalah penimbunan ini khususnya kalau di perbandaran Trengganu itu boleh dikatakan hampir ke seluruh anak-anak sungai ataupun parit-parit yang luas dahulu sekarang ini telah menjadi sempit dan hampir kedudukan tanah-tanah padi dalam kawasan perbandaran ataupun tanah-tanah yang lembah dahulunya sekarang telah ditimbun, ditimbus dengan tingginya, ada setengah-setengah tempat itu lebih tinggi daripada jalanraya itu sendiri, dan inilah barangkali juga yang berlaku di perbandaran Kuala Lumpur ini ataupun di Wilayah Persekutuan ini yang menyebabkan apabila hujan satu jam atau dua jam maka akan berlakulah banjir yang mengejut di Kuala Lumpur ataupun di bandar-bandar lain. Tujuan yang baik ini saya memang mengalu-alukan dan saya berharap supaya Kementerian ini dapat mengawal dengan sungguh-sungguh supaya perkara-perkara yang sudah berlaku dan sedang berlaku itu tidak akan berlaku lagi selepas daripada Akta ini diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengalu-alukan Fasal ini ataupun Rang Undang-undang ini, satu perkara yang saya bimbang disebabkan perkara ini memang sedang berlaku, sudah berlaku dan mungkin akan berlaku dengan penambahan kuasa-kuasa ini

diberi kepada Kerajaan Tempatan ataupun Penguasa Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa di masa yang sudah-sudah sebelum daripada kuasa-kuasa ini diberi kepada Penguasa Tempatan, kerja-kerja Kerajaan Tempatan ini memang sangat lambat, memang sangat mengganggu usah-usaha bagi memajukan sesuatu kawasan. Dikebanyakan Majlis Perbandaran ataupun Penguasa Tempatan umpamanya, bagi meluluskan kawasan satu pelan rumah memerlukan masa 5—6 bulan. Itu bagi meluluskan pelan rumah. Jadi kalau ditambah lagi dengan beban-beban ini tanpa ditambah pegawai-pegawai ataupun apa sahaja yang diperlukan sebabnya saya sebut pegawai ini memang selalu Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan menjawab tidak cukup pegawai dalam segala hal dan semua Kementerian. Dan saya sebut awal-awal lagi ialah masalah pegawai yang tidak cukup. Kalau di masa-masa yang sudah masalah pegawai ini ditimbulkan kerana tidak cukup, kerja bertambah-tambah, pegawai tidak ditambah menyebabkan hendak meluluskan sesuatu pelan, sesuatu kelulusan itu memerlukan masa sampai 6 bulan, 3 bulan paling cepat ataupun sebagainya, maka saya bimbang dengan diberi kuasa baru ini ataupun kuatkuasa yang baru mengenai parit ataupun timbunan dan sebagainya akan bertambah bulannya itu daripada 6 bulan kepada 7—8 bulan. Maka ini saya fikir mungkin akan menyebabkan kelambatan pula kepada pembangunan sesuatu kawasan perbandaran. Saya mengharapkan benar kepada Kementerian berkenaan di samping memberi kuasa supaya mengawasi jabatan-jabatan, lebih-lebih lagi Penguasa-penguasa Tempatan yang di bawah Kementeriannya supaya dapat berjalan dengan lancar walaupun diberi kuasa tambahan maka kerja-kerja itu hendaklah dapat dijalankan sekurang-kurangnya sebagaimana yang telah berlaku ataupun lebih cepat lagi daripada masa-masa yang sudah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal hendak meluluskan sesuatu pelan, satu pelan yang

diangkat kepada Penguasa Tempatan mengenai penimbunan tanah, umpamanya, kalau di masa-masa yang sudah setengah-setengah pihak tuan tanah menjalankan penimbunan tanah di atas tanah yang hendak dimajukan, jadi yang saya nampak di sini ialah pihak Kerajaan akan mengenakan hukuman ataupun memberhentikan kerja-kerja itu dengan serta-merta dan memberi kuasa supaya dapat memindahkan alat-alat yang ada di atas tanah itu dan diberi kuasa supaya dapat masuk di dalam kawasan itu siang ataupun malam. Saya bersetuju dengan kuasa-kuasa yang diberi. Saya tidak nampak pula apakah pihak Penguasa Tempatan ini dapat membuat sekiranya satu kawasan tanah itu telah ditimbun dengan tanah, kawasan lembah itu telah ditimbun dengan tanah sebelum mendapat kelulusan daripada Penguasa Tempatan, selain daripada kuasa yang diberi untuk mendenda tuan empunya tanah itu apakah pihak Kementerian ini memikir akan berbuat dengan perkara yang telah berlaku itu. Umpamanya, kalau di satu kawasan itu yang memang tidak sesuai untuk ditimbun dengan begitu tinggi dengan sebab jalan airnya tertutup ataupun tidak sesuai atau sebagainya tetapi bila didapati tanah itu telah ditimbun, maka apakah pihak Kementerian ini akan berbuat kepada tuan tanah itu selain daripada mendenda tuan empunya tanah itu? Adakah pihak Penguasa Tempatan hanya sekadar mendenda dan pihak tuan punya tanah akan berhasil juga maksudnya dengan penimbunan tanah itu, ertinya mereka itu bersedia untuk membayar denda, tetapi maksudnya untuk meninggikan tanah untuk dibangunkan rumah itu berhasil juga, atau apakah pihak Kementerian ini akan berbuat sekiranya perkara seperti ini berlaku dan perkara-perkara ini yang sudah berlaku dan sedang berlaku sekarang ini?

(Tuan Azahari bin Md. Taib *memperkerusikan Mesyuarat*)

Saya dapati banyak benar tuan-tuan punya tanah yang menimbun tanah mereka itu sebelum daripada mendapat kebenaran ataupun kelulusan Penguasa Tempatan ataupun pihak Jabatan Parit dan Taliair. Sebab mengikut

faham saya, sayapun tidak berapa jelas benar adakah bila kawasan ini duduk di dalam kawasan Majlis Bandaran, kawasan Penguasa Tempatan, maka dia akan terlepaslah daripada pandangan ataupun kelulusan pihak Jabatan Parit dan Taliair, ertinya dengan maksud bila lulus Rang Undang-undang ini pihak Penguasa Tempatan boleh meluluskan ataupun tidak meluluskan sesuatu permohonan daripada seseorang yang dalam Penguasa Tempatan ini tanpa mempedulikan kuasa-kuasa yang ada pada Jabatan Parit dan Tali air. Saya kurang jelas dalam maksud Akta ini. Jadi kalaulah demikian ertinya bila keadaan ini berlaku dalam kuasa Majlis Tempatan yang Kerajaan Tempatan dapat berkuasa penuh tanpa mempedulikan Jabatan Parit dan Taliair walaupun kawasan itu mempunyai kawasan tanah padi pada asalnya ataupun kerana kawasan itu mempunyai parit dan tali-air yang dikelolakan oleh Jabatan Parit dan Taliair ataupun sebagainya. Dan saya mengharapkan dapat penjelasan dan lebih jelas daripada Kementerian ini dan kalau ini berlaku umpamanya, maka timbullah persoalan sebagaimana yang saya timbulkan tadi, ertinya bagaimana pihak Kementerian ini akan mengambil tindakan terhadap tanah-tanah yang telah ditimbun sebelum daripada mendapat kelulusan Kementerian ini. Adakah sekadar Kementerian ini akan mendenda yang dalam ertikata lain apabila sekadar mendenda sahaja ertinya tuan tanah itu hasil maksudnya untuk meninggikan tanah itu dan dapat mendirikan bangunan, kalau tidak dalam tempoh pegawai yang ada ertinya dalam proses pertukaran pegawai lain dapat diikhtiarkan supaya dapat kebenaran yang lain. Jadi ini satu tandatanya kepada saya dan saya memerlukan penjelasan yang lebih daripada Kementerian yang berkenaan.

Satu lagi saya mengharapkan supaya pihak Kementerian ini tolong menyelesaikan dalam masaalah menanam kabel ini sebab apa yang berlaku sebelum daripada itu saya nampak memang tidak ada kerjasama (co-ordination) di antara jabatan-jabatan. Misalnya Jabatan Talikom dengan L.L.N., saya

tengok tidak pernah ada co-ordination di antara dua jabatan ini, sebab kalau satu jalanraya ini digali oleh pihak Talikom misalnya, belum lagi jalanraya ini sempat ditar balik ataupun tar itu masih basah lagi, datang pula jabatan lain, gali di tempat itu. Ini bukti yang menunjukkan di antara dua jabatan ini tidak ada kerjasama (co-ordination). Yang saya faham sepatutnya apabila keadaan ini ataupun selepas daripada Rang Undang-undang ini diluluskan yang Kementerian ini mengambil tanggungjawab penuh supaya diselaraskan kerja-kerja ini. Mudah-mudahan di masa akan datang dengan diberi kuasa yang ada di dalam Rang Undang-undang ini perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku. Kalau tidak kita boleh tengok di mana-mana sahaja di dalam bandar ini samada di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar mana, kerja ini tidak pernah habis, tidak pernah siap, tidak pernah sudah. Ini mungkin jawapannya kerana orang yang meminta itu tidak habis-habis, itu betul. Permintaan itu tidak habis-habis maka kerja itu tentulah tidak habis-habis.

Jadi apabila diselaraskan kerja oleh Kementerian ini, saya berharap dengan kelulusan ini, mengikut faham saya, ertinya kalau pihak LLN ataupun Talikom hendak menggali parit di dalam kawasan itu, kenalah mendapat kebenaran daripada pihak Penguasa Tempatan maka boleh diselaraskan kerja-kerja seperti ini supaya tidaklah jadi sebagaimana yang telah terjadi pada masa yang sudah sudah.

Itulah sahaja pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.41 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibentang dan dihuraikannya.

Pertamanya, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Fasal 3(2)

dan saya suka kaitkan kepada Fasal 18.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 (2) ini berbunyi:

“3 (2) Jika kerja-tanah itu akan dimula atau dijalankan bagi maksud membina apa-apa bangunan, jalan, longkang, pembetung, atau benteng, atau bagi menanam apa-apa kabel atau paip, atau bagi maksud apa-apa jua pembinaan atau kerja lain, pelan-pelan dan penentuan-penentuan berhubung dengan pembinaan atau kerja itu yang kena dikemukakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya hendaklah dikemukakan kepada pihakberkuasa tempatan pada masa mengemukakan pelan-pelan dan penentuan-penentuan berkenaan dengan kerja-tanah itu”.

Di bawah Fasal 3 (18), mengistilahkan apakah dia kerja-tanah.

“3 (18) Dalam seksyen ini dan dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya perkataan “kerja-tanah” termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas, atau menebang pokok, atas mana-mana tanah, atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah”.

Kepada saya, apa-apa bahan itu, bermakna kalau kita gunakan cangkul atau kalau kita gunakan parang pun bahan juga. Dan kerja-kerja tanah itu, kalau mengikut penerangan dari sini, mengorek untuk mencari cacing, untuk memancing ikan pun adalah kerja-tanah. Begitu juga kalau kita hendak membuat kerja mencegah demam denggi untuk menghapuskan nyamuk aedes, seperti yang ditunjukkan dalam TV, mengorek tanah untuk menimbus segala tin-tin kosong, tayar-tayar lama dan sebagainya, adalah juga kerja-tanah dan terpaksa buat pelan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap perkara ini dapat diterangkan supaya jangan timbul

salah faham dikemudian hari kelak. Begitu juga kalau saya menggali lobang menanam segala tin-tin kosong untuk menghapuskan nyamuk denggi sebagaimana yang diminta oleh pihak yang berkenaan untuk bekerjasama, walaupun hasrat saya baik saya kena denda pula.

Jika kerja-kerja tanah yang dijalankan untuk kegunaan public, umpamanya hendak mengorek bagi menanam paip, kabel dan sebagainya, ini saya alu-alukan kerana memang didapati pada masa mereka membuat kerja dengan sewenang-wenangnya tanpa pelan dan sebagainya mengganggu lalulintas, mengganggu public dan di dalam perkara ini, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Fasal 3 (3) dan apabila saya menyebut atau menyentuh Fasal 3 (3) saya kaitkan juga kepada Fasal 3 (13) kerana ada kaitannya.

“3 (3). Pada memberi kelulusan di bawah Seksyen kecil (1) pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan wajar.”

Syukur Alhamdulillah atas syarat-syarat yang akan dikenakan itu dan di Seksyen 3 (13) menyatakan:—

“3 (13) Peruntukan-peruntukan Seksyen ini tidak boleh dipakai bagi kerja-tanah yang dimula atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.”

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini bermakna bahawa kerja-kerja yang dibuat oleh pemborong bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri terkecuali daripada syarat yang dimaksudkan itu di dalam Rang Undang-undang untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ini. Kerana pemborong-pemborong inilah yang membuat kerja-kerja yang mengorek jalan untuk menanam paip dan sebagainya yang baru saya sebutkan tadi. Tetapi dengan adanya syarat di bawah Fasal 3 (3) iaitu akan dikenakan syarat-syarat, maka saya harap di dalam kerja-kerja

yang dibuat oleh pemborong-pemborong bagi pihak Kerajaan ataupun Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri, hendaklah diperhatikanlah supaya syarat-syarat berikut dapat digunakan.

Sekarang terdapat pemborong-pemborong yang berkenaan membuat bus stand, membuat papan tanda; ini semua mengorek lubang. Saya harap pelan-pelan itu apabila dibentangkan untuk diluluskan, hendaklah juga diawasi supaya papan-papan tanda, atau bus stand ini janganlah melindungi pemandangan pengguna-pengguna jalan (obstructing the view of road users). Ini banyak didapati. Kalau dalam satu jam kita mengelilingi Kuala Lumpur, ataupun di mana-mana kawasan Majlis Tempatan, dekat corner dibuatnya bus stand. Jadi pada corner itu pemandangannya sudah tidak begitu luas, begitu jauh; dibuat pula obstruction. Ini selalu berlaku kemalangan.

Yang kedua, hendaklah juga dikenakan syarat kepada pemborong-pemborong bahawa lubang-lubang yang dibuat oleh mereka untuk apa tujuanpun sesudah sahaja kerja-kerja itu siap serta-merta ditimbus balik dan diperbaiki sebagaimana seperti sediakala. Apa yang didapati bahawa lubang-lubang ini memang ditimbus, tetapi ditimbus dengan tanah sahaja. Sesudah hujan, tanah ini menjadi parit. Apabila motokar lalu, tahu sahajalah motokar itu melompat, kadang-kadang shaft-nya patah. Apabila patah, berlakulah kemalangan. Kadang-kadang apabila driver motokar tengok sahaja lubang, tiba-tiba sahaja dia berek, motokar dari belakangpun hentam, kadang-kadang 4—5 buah bercium-cium dibelakangnya dan juga hendaklah dikenakan syarat jika ada kemalangan ini terjadi disebabkan oleh lubang-lubang yang saya katakan tadi, motokar bercium-cium dan membuktikan bahawa ini adalah kerana perbuatan pemborong-pemborong maka penaltynya hendaklah dikenakan kepada pemborong membayar sepenuhnya apa jua pampasan kepada si punya motokar atau si punya barang-barang yang saya maksudkan tadi.

Satu perkara yang juga patut diberi pandangan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah masa pemborong-pemborong ini membuat kerja-kerja biasanya adalah alat-alat memberi amaran kepada pengguna-pengguna jalan diletakkan di tempat kerja itu supaya mereka ini berwaspada menjaga jalan yang sedang dibaiki dan sebagainya. Tetapi kadang-kadang papan-papan tanda untuk memberi amaran kepada pengguna-pengguna jalan ataupun kepada orang ramai ini dibuat secara hendak tidak hendak sahaja. Kalau menggunakan Bahasa Tionghua: chin chai-chin chai sahaja, jadi saya harap alat-alat ini hendaklah benar-benar alat-alat yang bermakna, yang terang yang ditentukan dan dikhaskan oleh pihak yang berkenaan tidak boleh ditulis dengan kapur atau arang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah teguran-teguran ikhlas dari saya dan saya harap Yang Berhormat Menteri juga menerima dengan semangat ikhlas.

3.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah seorang Wakil Rakyat dalam Wilayah Persekutuan, saya rasa saya ada tanggungjawab untuk berucap atas Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Dan sebagai seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab saya ingin memberi sokongan sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) itu, maka dalam hubungan ini saya ingin menyatakan iaitu Rang Undang-undang ini pada pandangan saya patutlah dikemukakan lebih lama lagi sebelum daripada itu.

Saya sangat tertarik, Tuan Yang di-Pertua, dengan Fasal 3 dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini khasnya yang memperuntukkan kawalan (control) terhadap kerja-tanah. Di bawah peruntukan ini pihak berkuasa tempatan ada diberi kuasa untuk memerintahkan pemberhentian kerja-kerja menggali tanah jika disahkan bahawa keselamatan nyawa dan harta-benda adalah terlibat atau mungkin

akan terlibat oleh apa-apa kerja tanah. Saya rasa peruntukan ini adalah sangat mustahak dan masalah yang timbul sekarang ialah samada Kementerian yang berkenaan adalah mempunyai kakitangan yang cukup untuk menentukan bahawa peruntukan ini dapat dikuatkuasakan dengan tegas dan adil. Oleh sebab saya merasa sekiranya ada satu Rang Undang-undang (Pindaan) yang begitu baik seperti ini, apabila kita hendak bincang aspek kuatkuasa, kalau kita tidak ada kakitangan yang cukup untuk melaksanakan dan untuk memperkuatkuasakan Rang Undang-undang (Pindaan) ini, maka saya harap adalah tidak guna bagi kita membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pada masa-masa yang lampau undang-undang seperti ini tidak ada, maka orang-orang khususnya orang-orang awam di Kuala Lumpur telah menghadapi berbagai-bagai kesulitan-kesulitan yang berbagai-bagai jenisnya. Saya mesti menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang seperti ini adalah sangat penting dan mustahak khasnya kepada bandar Kuala Lumpur di mana kita boleh lihat bahawa banyak kerja-kerja sedang dijalankan setiap hari oleh satu pihak berkuasa atau pihak berkuasa yang lain yang samada bagi maksud membina apa-apa bangunan atau meletakkan dawai atau pipe untuk membuat jalan dan sebagainya. Sementara saya mengiktiraf keperluan bagi kerja-kerja ini dijalankan demi untuk mengadakan berbagai-bagai perkhidmatan yang perlu namun saya rasa kerja-kerja tanah seperti itu mestilah tidak dibenarkan dengan cara yang akan menjejaskan keselamatan nyawa atau harta-benda atau dengan cara yang sedemikian yang akan menyusahkan orang ramai seperti kesulitan-kesulitan yang berkaitan dengan kesesakan jalanraya dan kesesakan lalulintas dan seumpamanya yang sedang ada berlaku di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Jika kita tinjau di sekeliling Kuala Lumpur hari ini kita akan dapati dan melihat sendiri

betapa banyak kerja-kerja tanah yang dijalankan setiap hari dan kadangkala dalam tempoh kesesakan Lalulintas (peak hours) seperti yang telah dikatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi dan ini bukan sahaja akan menyusahkan atau mengendalkan orang ramai malah akan membahayakan keselamatan orang ramai juga. Tetapi apa yang sangat mendukacitakan dan meradangkan ialah bahawa setengah daripada kerja-kerja tanah ini dijalankan samada oleh pihak Talikom, Jabatan Kerjaraya, Lembaga Letrik Negara atau Jabatan Parit dan Taliair, dan ini dijalankan sedemikian rupa hingga menutup lebih daripada separuh jalan dan dalam tempoh masa sesak Lalulintas ini akan menyebabkan banyak kesesakan jalan dengan seriusnya. Apa yang lebih membahayakan lagi ialah bahawa selepas satu-satu kerja jalan atau kerja tanah itu dijalankan atau telah disiapkan kawasan-kawasan yang terlibat itu tidak dikambus dengan serta-merta dan kesudahannya ini mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna motor dan khasnya penunggang-penunggang dan pembonceng-pembonceng scooter. Pada masa yang lampau banyak kemalangan jalanraya telah berlaku kerana selepas kerja tanah itu dijalankan, bahagian-bahagian yang terlibat itu tidak dikambus serta-merta dan lubang ini tinggal begitu sahaja beberapa lama bukan hanya di satu tempat, tetapi lubang itu ada yang besar dan ada yang kecil, dan kadang-kadang lebar, besar, panjang atau luas pula.

Selain daripada itu saya ingin juga menyatakan iaitu tempat-tempat di mana kerja tanah ini dijalankan mesti dipasang lampu atau tanda pada sebelah malam untuk memberi amaran kepada pemandu-pemandu kereta dan penunggang-penunggang scooter yang menggunakan jalanraya itu. Ini adalah sangat mustahak oleh sebab dengan ketiadaan tanda yang terang maka satu situasi boleh berlaku yang mana kemalangan akan timbul. Memandangkan keadaan yang saya sebutkan saya berharap semoga Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil ingatan mengenai perkara ini dan saya ber-

harap semoga dengan diluluskan Rang Undang-undang ini maka masalah-masalah ini akan diatasi jika tidak dikurangkan.

Saya ingin juga menyuarakan pandangan saya di sini bahawa adalah sia-sia sekiranya Wakil-wakil Rakyat hanya memberikan pandangan dan pada pihak Kerajaan mereka akan kata mereka akan memberi pertimbangan tetapi selepas itu tindakan langsung tidak ada diambil untuk menentukan bahawa kejadian ini tidak akan berlaku. Saya harap bahawa apa yang kita hendak lihat ialah tindakan atau satu arahan yang tegas yang diberikan kepada semua pemborong-pemborong, kontrektor-kontrektor yang menggali tanah atau menjalankan apa-apa kerja-tanah supaya mereka akan mengambil langkah untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini dari berlaku.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mencadangkan bahawa masa telah tiba bagi pihak berkuasa tempatan untuk mengambil langkah-langkah bagi menentukan bahawa kerja-kerja menggali tanah dijalankan pada waktu malam seberapa yang boleh supaya masalah-masalah kesukaran kepada orang ramai dapat diatasi atau dikurangkan. Di kebanyakan ibukota-ibukota negara yang lain sistem ini ada dijalankan, iaitu korek-mengorek, menggali kerja-tanah ada dijalankan pada waktu malam dan saya tidak boleh lihat apa-apa sebab mengapa di Ibukota Kuala Lumpur sistem ini tidak boleh dijalankan.

Selain daripada itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan supaya satu unit penyelarasan mengandungi semua Jabatan Kemudahan Awam ditubuhkan di bawah naungan Dewan Bandaraya bagi tujuan menyelaraskan kerja-kerja korek-mengorek jalan di seluruh bandaraya kita untuk mengelakkan masalah-masalah ini dari berlaku seperti terhalangnya kelicinan Lalulintas jalanraya. Tadi sahabat saya dari kawasan Sungei Besi ada mengatakan oleh

sebab pada masa yang lepas tidak ada penyelesaian di antara jabatan-jabatan yang berkenaan maka perkara-perkara, masala-masalah yang saya ada sebutkan tadi telah timbul.

Akhirnya, saya ingin juga menggunakan kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang dapat mengemukakan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan adalah harapan semua orang ramai, semua penduduk-penduduk di bandar Kuala Lumpur, di Wilayah Persekutuan supaya Kementerian yang berkenaan akan terus bertindak dengan tegas, bertindak untuk melantik pegawai-pegawai yang cukup untuk menentukan bahawa semua peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan.

4.05 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengalu-alukan Akta yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu yang dinamakan Akta Jalan, Parit dan Bangunan.

Saya bangun di sini sambil mengalu-alukan, juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana hasil dari kesedaran Kerajaan bahawa di sebalik pembangunan pesat yang berjalan di negara kita ini, pembangunan yang memberi nikmat kepada sebahagian besar rakyat maka ada di antara kita yang tidak tahu dan lupa bahawa ada sebahagian kecil rakyat yang terjejas kehidupan dan mata pencariannya oleh sebab pembangunan tadi, sebahagian daripada rakyat yang terlibat itu adalah dalam kawasan saya sendiri. Banyak kes-kes yang telah diadakan selama ini tidak mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berkenaan kerana tidak ada jabatan yang tertentu yang diberi tanggungjawab khas mengenai hal akibah dari pembangunan-pembangunan ini. Maka saya anggap dengan adanya Akta Jalan, Parit dan Bangunan ini

menentukan tanggungjawab kepada pihak-berkuasa tempatan untuk melihat tiap-tiap pembangunan yang dilakukan itu tidak menjejaskan pihak-pihak ataupun orang-orang yang lemah yang tidak dapat menyuarakan kesulitan-kesulitan yang mereka hadapi selama ini.

Ada tiga Jabatan yang berkenaan yang selalu terlibat dengan pembangunan ini yang saya sendiri mengadukan hal. Jabatan itu ialah Jabatan Kerjaraya, Jabatan Parit dan Taliair dan pihak berkuasa tempatan. Apabila berlaku kesulitan terbit dari pembangunan ini kepada Jabatan ini saya mengadukan, pihak Jabatan Kerjaraya mengatakan ini bukan tanggungjawabnya, ini tanggungjawab Jabatan Parit dan Taliair, pergi pula kita kepada Jabatan Parit dan Taliair jawabnya ini bukan tanggungjawab kami, ini tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Begitulah keadaan Wakil Rakyat ditendang ke sana-sini sebagai bola untuk mengadukan hal kesulitan rakyat akibat dari pembangunan yang dilakukan oleh pemaju-pemaju ataupun pemborong-pemborong. Jadi sekali lagi saya katakan dengan adanya Akta ini dapat menentukan bahawa yang bertanggungjawab untuk melihat supaya jangan ada kesulitan kepada pihak-pihak tertentu ialah pihak berkuasa tempatan, jadi pihak berkuasa tempatan tidak dapat mengelakkan lagi tanggungjawabnya dan cuba hendak memindahkan tanggungjawab itu kepada pihak-pihak yang lain.

Saya suka juga menarik perhatian Fasal 3 (4) yang berbunyi:

“3 (4). Pihakberkuasa tempatan boleh, jika ia memperakui bahawa keselamatan nyawa dan harta-benda adalah terlibat atau mungkin akan terlibat oleh apa-apa kerja-tanah, memerintah supaya diberhentikan dengan serta-merta kesemua atau sebahagian daripada kerja-tanah itu;”

Pada pendapat saya ini adalah satu ceraihan yang sangat mustahak dan menjadi thrust kepada Akta ini.

Ada satu kes di kawasan saya yang berlaku iaitu di dalam pembinaan Jalan Paya Terubong di Pulau Pinang. Paya Terubong menghubungkan satu tempat yang bernama Pekan Kongsu. Jalan ini lebih kurang 4 batu jauhnya terpaksa melalui bukit-bukau. Kebanyakan tanah-tanah bukit di Negeri Pulau Pinang ini bukanlah mengandungi hutan rimba tetapi mengandungi tanaman-tanaman dan buah-buahan, juga tanaman-tanaman yang menghasilkan seperti getah, koko, pokok durian dan lain-lain buah.

Apabila pemborong yang berkenaan dapat tender dan mengerjakan jalan ini untuk menyenangkan mereka ini menggunakan jentolak yang besar, ditolaknya sahaja tanah-tanah itu dan tanah-tanah ini menimbus habis pokok-pokok koko dan pokok buah-buahan yang sedang subur naik. Bukan sahaja pokok-pokok itu musnah tetapi penoreh-penoreh getah yang menoreh getah di sekeliling kawasan itu tidak dapat menjalankan kerja, sebab bila ada batu-batu besar, jentolak ini menolak sahaja batu-batu besar itu dan ada sebuah rumah yang rosak dan musnah di landa oleh sebuah batu besar.

Perkara ini sudah saya adukan kepada Jabatan Kerjaraya dan pihak Jabatan Kerjaraya mengatakan ini bukan tanggungjawabnya, ini tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Seramai lebihkurang 20 orang petani-petani dan tuan-tuan punya kebun buah-buahan yang terlibat dalam projek jalanraya ini dan mengikut hitungan yang mereka buat iaitu kemusnahan yang dilakukan terhadap harta-benda mereka itu lebihkurang \$500,000 disebabkan oleh pemborong yang cuma berkehendakkan untung dengan tidak mengira kepentingan orang lain.

Lebih 150 pokok durian yang sudah besar yang mengeluarkan hasil yang lumayan musnah sama sekali, sebab dilanda oleh batu-batu besar dikerjakan oleh jentolak-jentolak ini dan syarikat yang berkenaan, kalau saya tidak silap Syarikat Manong namanya yang berpusat di Kuala Lumpur dan bila saya sendiri pergi kepada pemborong yang ber-

kenaan yang mengerjakan kerja itu, mereka kata: Ini bukan tanggungjawab mereka, mereka cuma membuat kerja sub-contract. Jadi, kontrektor yang besar yang bertanggungjawab dalam hal ini....

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, adakah ini termasuk dalam lingkungan Bandaran atau Perbandaran, sebab kita membahaskan masalah itu sekarang. Kalau tidak termasuk, saya tidak dapat hendak benarkan membahaskan hal ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan, Negeri Pulau Pinang itu samada luar bandar atau bandar adalah termasuk dalam lingkungan pihak berkuasa tempatan. Kalau saya tidak silap, bolehlah kita rujuk kepada Menteri yang berkenaan. Saya fikir Menteri yang berkenaan.....

Tuan Azahari bin Md. Taib: Menteri sudah angguk. Sila teruskan.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih. Jadi, saya berharap dengan adanya Akta ini pihak-pihak yang terlibat yang telah rosak binasa harta-bendanya ini akan mendapat pampasan atau gantirugi yang sepatutnya yang telah diakibatkan oleh pembangunan pesat yang dibuat oleh pemborong-pemborong yang berkenaan.

Fasal 3 perenggan 17, ada menyebutkan:—

- “(a) berkenaan dengan kerja-tanah;
- (b) untuk mengadakan peruntukan bagi pelan-pelan dan penentuan-penentuan berkenaan dengan kerja-tanah;
- (c) untuk mengadakan peruntukan bagi cara mengemukakan pelan-pelan dan penentuan-penentuan berkenaan dengan kerja-tanah dan bayarannya; dan
- (d) untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman denda atas kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang kecil....”

Denda ini atas kesalahan yang dibuat, tetapi tidak ada dinyatakan ganti, pihak yang bertanggungjawab itu terpaksa membayar ganti-rugi. Saya tidak faham tentang perkara ini barangkali termasuk dalam Fasal 3 (d) ini. Kalau termasuk, tidak payahlah kita adakan lain perenggan. Kalau tidak termasuk, saya sukalah menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya diadakan satu clause yang mengenakan orang-orang yang bertanggungjawab ini terpaksa membayar ganti-rugi kepada pihak-pihak yang terlibat. Kalau termasuk, itu sudah tidak menjadi hal. Kalau tidak, saya harap Menteri yang berkenaan....

Tuan Azahari bin Md. Taib: Soalan yang macam itu, Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara sahabat-sahabat saya tadi telah membangkitkan kerja pembangunan di dalam bandar. Di tempat saya sendiri pengambilan tanah merah dari bukit-bukit, ini juga mengakibatkan kesulitan kepada lalulintas dan kepada penduduk-penduduk yang berkenaan. Untuk menimbus kawasan-kawasan pembangunan tanah-tanah merah dari bukit-bukit dikorek oleh jentolak-jentolak ini. Apabila tanah-tanah merah tadi dikorek maka tanah yang bersempadanan dengannya runtuh. Walaupun pihak pemborong itu hanya mengambil tanah di kawasanya tetapi oleh sebab tanah itu tanah bukit dan bersempadanan dengan tanah orang lain, bila dia mengorek tanah merah itu, bila datang musim hujan, tanah di sempadannya runtuh dan menyebabkan keuntungan kepada pihak yang mengerjakan tanah itu. Ini patut juga diteliti atau diperhatikan oleh pihak yang berkenaan supaya perkara ini kita dapat mengenakan satu peraturan, mengadakan satu had sekurang-kurangnya 10 ela dari perenggan tanah yang boleh dikorek atau diambil untuk menimbus tempat-tempat pembangunan. Kalau tidak dibuat peraturan semacam ini, maka pihak

yang disempadan ini akan menanggung kerugian yang tidak sedikit kerugiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan mengenai Fasal 3 perenggan 13 yang berbunyi:

“(13) Peruntukan-peruntukan Seksyen ini tidak boleh dipakai bagi kerja-tanah yang dimula atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.”

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat tidak boleh membahaskan di atas tiap-tiap perkara itu, kerana dalam peringkat bacaan kali yang kedua, perbahasan hendaklah ditumpukan kepada soal dasar sahaja. Kalau Yang Berhormat hendak membahaskan tiap-tiap tajuk itu, sila Yang Berhormat bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan ini, saya harap pihak-pihak berkuasa atau Jabatan-jabatan Kerajaan jangan dikesualikan daripada undang-undang atau Akta ini sebab selama ini Jabatan ataupun perbadanan Kerajaanlah yang banyak sekali membuat pembangunan dan menyebabkan kesulitan-kesulitan kepada orang ramai.

Sebagai contoh apabila Jabatan Talikom hendak mengorek dan memasang kabelnya. Apabila digali dan terkena paip air atau bekalan air, maka orang ramai kesulitan disebabkan bekalan air tadi terputus oleh satu jabatan yang lain. Jadi kalau undang-undang ini tidak dikenakan kepada jabatan-jabatan Kerajaan, maka tidak ada ertinya. Kita tidak dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang berlaku. Kebanyakan yang membuat kerja-kerja mengorek tanah dan sebagainya di jabatan Kerajaan ialah Jabatan Talikom, JKR, Jabatan Air dan lain-lain. Kalau kita mengecualikan ini, sebab satu perkara lagi yang hendak saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan banyak kerja-kerja jabatan-jabatan ini tidak dilakukan oleh jabatan itu sendiri tetapi diberi kepada kontraktor, diberi

kepada pemborong. Jadi pemborong-pemborong ini hendak menyegerakan kerja-kerjanya. Mereka tidak mempedulikan tentang keselamatan dan kesulitan orang ramai. Saya berharap supaya pihak-pihak atau jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan hendaklah termasuk, jangan dikecualikan daripada Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah mengenai pengambilan pasir daripada sungai-sungai kecil. Ini juga berlaku dalam kawasan saya sendiri. Pengambilan pasir ini saya fikir termasuk juga dalam kerja-kerja tanah. Pihak kontraktor ini mengorek atau menggali pasir-pasir daripada sungai-sungai kecil dan sungai-sungai besar juga. Apabila kerja galian ini dilakukan maka sungai-sungai itu akan tercemar dan rakyat yang miskin yang menggunakan air daripada taliair daripada sungai-sungai kecil ini akan terlibat kehidupannya dan ada juga kes-kes yang berlaku, sungai-sungai ini mengalirkan airnya ke dalam sawah-sawah; segala tanah, segala kotoran hasil daripada galian oleh pemborong-pemborong ini merosakkan tanaman padi pihak-pihak petani dan pesawah. Dan mereka itu tidak dapat hendak meminta ganti-rugi kepada pihak berkenaan sebab sawah itu terletak jauh daripada tempat galian tersebut. Saya berharap bahawa dengan Akta ini juga maka perkara ini dapat meliputi kes-kes serupa itu.

Sekianlah sahaja pendapat dan pandangan saya terhadap Akta ini dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana sedar atas kesulitan yang berlaku selama ini oleh sebab pembangunan kepada pihak-pihak yang lemah yang tak terdaya hendak mengemukakan masalah-masalah mereka kepada pihak yang berkenaan dan saya harap supaya Akta ini dapat diluluskan dan dikuatkuasakan seberapa segera yang mungkin.

4.21 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyokong Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) ini dan saya berharap dengan adanya Akta ini terlaksana boleh kita minta "LAT", pelukis katun salah sebuah daripada akhbar tempatan, membuat suatu katun tetapi tidaklah seperti katun yang pernah dilukisnya iaitu setelah upacara Menteri membuka jalan, dua-tiga jam kemudian jalan itu penuh dengan trektor mengorek jalan semula.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji daripada Rang Undang-undang ini dari segi pokok melibatkan tiga perkara iaitu jalan, parit dan bangunan. Sebelum dari ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya meminta penjelasan dari segi persoalan pokok sebab bukan hendak membahaskan mengikut pihak berkuasa tempatan tetapi ada kerja-kerja di sini yang saya nampak Seksyen 70A baru iaitu ada kaitan dengan kuasa Kerajaan Tempatan. Soalan saya, siapakah pula akan berkuasa dan bertanggungjawab untuk hendak melaksanakan Rang Undang-undang ini kepada kawasan-kawasan yang ada terlibat dalam pembinaan jalan, parit dan bangunan di kawasan-kawasan yang belum ada lagi Kerajaan Tempatan. Itu soalan pokok, sejauh mana nanti pelaksanaan Rang Undang-undang ini dapat dijalankan. Sebab saya bertanya sedemikian ialah ada kaitannya daripada beberapa buah kawasan yang telah masuk dalam Kerajaan Tempatan ataupun sebelum dari itu dikuasai oleh sebuah Kerajaan Negeri, kemudiannya berpindah kepada Kerajaan Tempatan. Satu perkara yang anih telah berlaku di dalam kawasan saya iaitu mengenai perubahan saluran Sungai Bonos di Kampung Bharu. Ini ada kaitan dengan Rang Undang-undang mengenai masalah pembesaran saluran parit. Kerajaan Negeri Selangor dahulu telah meluluskan pembetulan meluruskan Sungai Bonos dan telah melibatkan perbelanjaan yang begitu besar untuk mengelakkan banjir di kawasan Kampung Bharu dan beberapa rumah pada ketika itu telah diruntuhkan dan telah mendapat kerjasama daripada tuannya-tuannya tanah. Dan selepas pembetulan atau saluran

itu telah siap ditimbus semula, tuannya-tuannya tanah telah dibenarkan balik membuat rumah baru di atas saluran itu dengan jaminan bahawa kerja pengorekan itu dijamin akan selamat, saluran itu kuat dan tidak akan pecah sekurang-kurangnya 50 tahun. Tetapi, pada hari ini belum sampai 7 tahun, beberapa buah kawasan di saluran Sungai Bonos itu yang di dalam rumah meletup, air naik dan beberapa rumah keadaannya sedang terancam dan beberapa buah padang untuk permainan dan kawasan halaman rumah-rumah air sentiasa mengalir daripada bawah tanah. Siapakah yang akan bertanggungjawab mengganti kerugian-kerugian yang dihadapi oleh penduduk-penduduk tersebut?

Pada hari ini ada di antara penduduk-penduduk tersebut disuruh berpindah kerana keselamatannya tidak terjamin lagi dan ada di antara penduduk tersebut oleh sebab tanah itu tanah pesaka, mereka telah membina rumah-rumah untuk dijadikan rumah sewa dan penyewanya telah lari. Siapakah yang hendak membayar ganti rugi modal-modal yang telah ditanam oleh tuannya-tuannya tanah itu? Hal ini bukan salah mereka, tetapi adalah kesalahan oleh sebab boleh jadi kawalan tidak betul waktu menjalankan kerja dan air sentiasa memancut ke atas siang dan malam terutama sekali apabila berlaku hujan lebat di kawasan Kuala Lumpur, maknanya banjir di kawasan tersebut bukannya datang daripada atas, bahkan juga daripada bawah. Di sinilah saya minta Kerajaan Tempatan pada hari ini Dewan Bandaraya apabila diserahkan tidak bertanggungjawab kerana itu katanya adalah kerja-kerja Jabatan Parit dan Tali air. Sejauh manakah penduduk-penduduk itu hendak dihalakan ke sana ke mari walhal kerugian daripada semasa ke semasa bertambah, beberapa buah padang bola, halaman rumah tidak dapat digunakan dan penuh dengan lumpur dan lecah. Dan saya minta perhatian, sementara kita mengadakan Rang Undang-undang ini tindakan segera daripada pihak berkenaan dijalankan supaya menyelesaikan masalah itu, bukan kerana salah orang

kampung di Kampung Bharu yang terlibat tetapi adalah kerana salah pihak yang bertanggungjawab sendiri kerana tidak mengawasi pembetulan itu telah pecah di dalam tanah. Dan saya sendiri telah melihat beberapa buah lubang telah timbul, meletup di bawah katil dalam rumah-rumah mereka. Nasib baik rumah itu tidak rumah bertingkat, masih lagi rumah bawah dan penduduk di situ adalah terdiri daripada orang-orang yang berpendapatan rendah.

Di dalam Rang Undang-undang ini tidak ada peruntukan masalah ganti rugi. Rang Undang-undang ini saya anggap sebagai berat sebelah kerana cuma bertujuan melaksanakan undang-undang tetapi tidak ada peruntukan masalah siapakah yang bertanggungjawab membayar ganti rugi kepada orang-orang yang terlibat?

Tuan Yang di-Pertua, itu masalah parit yang sedang berlaku berleluasa di kawasan Kuala Lumpur yang anihnya telah merosakkan beberapa rumah seperti yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua mengenai masalah jalan. Jalan ini ada kaitannya dari segi keselamatan tentang kerja-kerja mengorek jalan dan sebagainya. Sudah banyak kawan-kawan saya telah mengeluarkan pendapat, tetapi ada satu perkara di sini yang tertinggal iaitu tanggungjawab Kerajaan Tempatan atas masalah tanah runtuh. Apa yang kita bincangkan di sini tanah yang dikorek, tetapi tanah runtuh siapa pula bertanggungjawab kerana hujan lebat? Hal ini tidak ada disebut dalam peruntukan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya minta tambahan ataupun kajian siapakah yang bertanggungjawab atas tanah runtuh. Selalunya apabila berlaku tanah runtuh kepada siapa hendak mengadu dan berapa lama tindakan boleh diambil. Apakah kuasa-kuasa Kerajaan Tempatan hendak dikajikan juga.

Yang ketiga, masalah pembangunan. Kita mengadakan syarat-syarat untuk bangunan-bangunan dan sebagainya tetapi ada ketikanya kita terlupa kepentingan pekerja-pekerja

waktu membina bangunan. Bentuk-bentuk dan cara-cara bangunan yang dibina pada hari ini bukan sahaja naik ke atas bahkan ada juga terpaksa dibuat galian kerana hendak mengadakan asas (foundation) yang kuat kepada bangunan-bangunan tersebut. Dalam perkara ini pengawasan dan satu sistem belum cukup diadakan di negara kita bagi mengatasi masalah keselamatan pekerja-pekerja. Kita mengadakan kuatkuasa untuk mengawal, membentuk bangunan atau mengadakan bangunan, tetapi kita belum lagi melaksanakan Undang-undang Keselamatan Pekerja-pekerja di dalam bangunan-bangunan tersebut; seperti yang berlaku baharu-baharu ini di kawasan saya, Kampung Pandan dikorek lubang lebih kurang 40 kaki, tiga orang pekerja yang masuk ke dalam lubang itu telah jatuh, ketiga-tiganya telah mati. Apakah kawalan kepada pekerja-pekerja ini? Kepada siapa mereka hendak mengadu dan apakah kuasa Kerajaan Tempatan untuk mengambil tindakan membela nasib pekerja-pekerja itu? Saya juga telah menghadapi beberapa orang pekerja di bangunan-bangunan yang tinggi yang telah jatuh di atas besi-besi yang terpacak-terpacak, tiada kawalan keselamatan pekerja-pekerja dalam bangunan-bangunan. Jadi, saya minta Kerajaan selain daripada mengenakan undang-undang kawalan seperti ini saya mencadangkan Kerajaan hendaklah juga melaksanakan undang-undang untuk pekerja terutama sekali di bangunan-bangunan yang tinggi-tinggi. Perkara ini telah dibincangkan beberapa ketika dahulu tetapi pelaksanaan yang dijalankan, seperti menggunakan talipinggang keledar untuk keselamatan tetapi untuk keselamatan pekerja-pekerja ini belum dilaksanakan. Saya minta pihak yang bertanggungjawab melaksanakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi beberapa orang telah membangkitkan perkara-perkara mengenai tidak adanya kawalan kerja-kerja kontrek yang membaiki jalan. Pada hari ini sesuatu kerja membaiki jalan yang diuruskan hendak membetulkan keadaan jalan itu seperti sediakala mengambil masa yang lama.

Apabila kita soal kepada pihak pekerja-pekerja dan kontrek-kontrek tersebut, mereka akan membaiki jalan itu semula setelah semua kerjanya selesai. Ini bermakna kalau dia telah mengorek jalan itu lebih kurang lima batu, lima batu jalan itulah akan sentiasa dalam keadaan rosak selama beberapa bulan sehingga keseluruhan kerjanya selesai. Tiada satu kuasa yang boleh menyuruh mereka terutama sekali jalanraya-jalanraya yang dikorek di dalam bandar ini supaya menutup dan membaiki jalan tersebut setelah kerjanya selesai sebelum ia berpindah ke satu rangka jalan yang lain, dengan tidak menunggu keseluruhan kerjanya selesai. Ini juga hendak difikirkan, kuasa-kuasa untuk mengawal kerja-kerja bagi membaiki jalan atau menutup lubang dan sebagainya, had masanya itu hendaklah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu memikirkan kerosakan-kerosakan jalan yang terlalu banyak berlaku di dalam bandaraya Kuala Lumpur. Jawapannya ialah oleh sebab banyak pembangunan. Tetapi kadang-kadang kita tengok di jalan-jalan highwaypun sudah mula nampaknya hendak dikorek. Apabila pembinaan ini dibuat, tidakkah dikaji dengan sedalam-dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya lihat mengenai jalan dan parit ini ada banyak kaitannya. Kalau kita berjalan ke utara Semenanjung Malaysia daripada sebelum merdeka, selepas merdeka sehingga hari ini, kita tengok sebelah utara sana jalan lurus-lurus dan ada parit di tepi-tepi jalan. Tetapi parit ini tidak ada perubahan bentuknya. Parit ini cantik dan lurus tetapi pihak Kerajaan Tempatan di kawasan-kawasan tersebut tidak pernah mengambil berat masalah saluran parit ini, hendak dicantikkan? Apakah salah saya mencadangkan parit-parit di tepi jalan yang begitu cantik dibetul dan dibaiki dan dibersihkan supaya saluran air di situ bersih dan cantik. Ini ialah bagi kepentingan penduduk-penduduk di sebelah utara Semenanjung Malaysia ini, sebab keadaan parit mereka saya lihat dari setahun ke setahun makin bertambah buruk. Dan saya

takut kalau keadaan parit ini tidak dijaga, pagar tidak dibuat kalau berlaku pelanggaran atau kalau motokar tergelincir (skidded) boleh tercampak ke dalam parit ini dan boleh membahayakan nyawa. Saya tidak tahu setakat ini pernahkah atau tidak perkara ini berlaku. Parit ini pula kalau kita jaga baik-baik air dalam salurannya boleh digunakan untuk tanaman-tanaman, tidak dia terbiar begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan di sebelah utara sana selalu menghadapi keadaan kemarau dan sebagainya samada boleh atau tidak. Inilah kuasa-kuasa, rancangan-rancangan untuk Kerajaan Tempatan yang saya beri pandangan apabila kita mengadakan Akta-akta seperti ini dan saya minta pelaksanaan Akta ini hendaklah secara comprehensive yang tidak menyulitkan orang ramai terutama sekali. Sekian dan saya menyokong Bill ini.

4.38 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada sekalian Ahli-ahli yang telah membuat syor-syor, pandangan-pandangan juga teguran-teguran yang membina dan semua pandangan-pandangan dan teguran-teguran itu akan diambil ingatan dan ada daripada syor-syor itu yang akan dapat saya jadikan panduan dalam membaiki ataupun meminda lagi Akta ini pada masa-masa akan datang.

Satu perkara yang sangat penting saya maklumkan di sini, sebagaimana diketahui iaitu semua undang-undang, peraturan-peraturan bagi Penguasa-penguasa Tempatan ini hanya akan dapat dijalankan dengan sempurnanya dan dengan lebih berkesan apabila semua Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat oleh kerana semua Penguasa-penguasa Tempatan itu di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri apabila semua Kerajaan-kerajaan Negeri ini bersama-sama mengambil perhatian yang berat bagi melak-

sanakan tiap-tiap satu daripada undang-undang yang dikanunkan di sini.

Ada beberapa teguran-teguran daripada Ahli-ahli yang ingin saya beri serba-sedikit penjelasan.

Banyak telah diperkatakan tentang tidak adanya penyelarasan dalam melaksanakan kerja-kerja dalam kawasan-kawasan Penguasa Tempatan pada masa ini. Saya sedar akan masaalah ini, tetapi ini tidaklah bermakna bahawa pihak Penguasa Tempatan ataupun pihak Kerajaan langsung tidak hiraukan soal penyelarasan ini. Ada peraturan-peraturan yang telah dijalankan pada masa lalu berkenaan dengan penyelarasan ini, tetapi saya boleh mengakui di sini bahawa ada hal-hal yang patut diperbaiki lagi memandangkan kepada pesatnya usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan pembangunan di bandar-bandar dan juga di Penguasa-penguasa Tempatan pada masa ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bagi menyelaraskan kerja-kerja oleh beberapa jabatan-jabatan yang disebutkan dalam teguran-teguran tadi, saya suka menyatakan di sini bahawa perkara ini telahpun dibincangkan baharu-baharu ini dalam mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan di mana Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri telah hadir di dalam mesyuarat ini dan beberapa keputusan telah diambil untuk menjadikan penyelarasan ini lebih berkesan pada masa-masa hadapan, dan langkah-langkah juga akan diambil menerusi tindakan-tindakan pentadbiran. Beberapa peraturan akan diadakan, Kementerian pada masa ini sedang merangka satu peraturan yang baharu yang boleh memenuhi segala kelemahan yang mungkin dirasai oleh orang ramai pada masa-masa akhir ini supaya segala masaalah-masaalah yang melibatkan tidak adanya penyelarasan yang dikatakan tadi dapat diperbaiki pada masa akan datang. Apa

yang sangat-sangat diharapkan oleh Kementerian saya ialah supaya semua agensi-agensi yang terlibat dalam kerja-kerja pembangunan yang dikatakan tidak selaras itu akan dapat mematuhi dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan penguatkuasaan, ada pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa apa yang lebih perlu ialah penguatkuasaan kepada semua undang-undang ini. Saya boleh memberikan jaminan di sini bahawa Kementerian saya ataupun Kerajaan akan mengambil ingatan yang berat dalam masalah ini. Tetapi walau bagaimanapun bukanlah semua Penguasa-penguasa Tempatan ini tidak dapat menjalankan undang-undangnya dengan cukup berkesan, misalnya di bandar-bandar Penguasa Tempatan yang besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh memang mempunyai kakitangan yang boleh dikatakan cukup juga untuk menguatkuasakan sesuatu undang-undang yang telah diputuskan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan beberapa masalah mengenai pengorekan tanah dalam Penguasa-penguasa Tempatan.

Bagi menjawabnya, saya suka menyatakan bahawa bidang kuasa Penguasa Tempatan adalah kecuali sungai-sungai, dan anak-anak sungai yang diwartakan yakni yang jatuh di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair.

Mengenai tindakan kepada pihak-pihak yang tertentu yang telah menimbus tanah di satu-satu tapak perumahan umpamanya sedangkan pihak itu belum mendapat kebenaran, suka saya menjawab di sini bahawa di bawah Seksyen 70A (4) menentukan bahawa Penguasa Tempatan boleh memerintahkan dengan serta-merta supaya kerja-kerja seperti itu boleh diberhentikan dengan serta-merta. Dan di bawah Seksyen 70A (6) Penguasa Tempatan boleh mengambilalih, menjalankan kerja-kerja tanah itu sendiri sekiranya perlu, sekiranya pihak-pihak yang tertentu itu tidak

menghiraukan arahan daripada Penguasa Tempatan maka pihak Penguasa Tempatan sendiri boleh menjalankan kerja itu dan di bawah Ceraian (12) Penguasa Tempatan boleh menuntut balik segala perbelanjaan yang terlibat kerana menjalankan kerja-kerja itu.

Berkenaan dengan satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, saya rasa berkenaan dengan gantirugi sekiranya satu-satu kerosakan dan kemusnahan berlaku dalam kerja-kerja yang dijalankan oleh sesuatu agensi Kerajaan ataupun sebagainya samada perkara itu ada peruntukan untuk memberikan gantirugi. Saya hendak menegaskan di sini bahawa tidak ada peruntukan seperti itu tetapi perkara seperti ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bolehlah dimasukkan ke dalam perkara mal ataupun tuntutan sivil kalau sekiranya sesuatu pihak yang telah merasa kerugian akibat kerja-kerja yang telah dilakukan maka pihak itu bolehlah mengambil tindakan sivil ataupun tuntutan mal kepada pihak yang telah merugikannya, hatta agensi-agensi Kerajaan ataupun Penguasa-penguasa Tempatan sendiri pun boleh diambil tindakan seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah membangkitkan tentang samada pemborong-pemborong bagi pihak Kerajaan yang menjalankan sesuatu kerja yang diborongkan kepadanya oleh pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat dikecualikan juga menurut Seksyen 70A (13) itu. Jawapannya dikecualikan, tetapi pelan-pelan dan juga specification mestilah ditentukan terlebih dahulu oleh Kerajaan. Kalau pemborong itu melanggarnya maka dia akan dihukum, dan apabila Kerajaan memberi sesuatu kontrak kepada sesuatu pemborong syarat-syarat yang perlu akan dikenakan.

Telah juga dibangkitkan beberapa kemuskilan tadi mengenai apa perlunya Seksyen 70A (13) yang mengecualikan agensi-agensi Kerajaan itu. Jawapannya ialah seperti diketahui

Kerajaan tidak tertakluk kepada undang-undang yang dia sendiri membuatnya dan juga oleh kerana kedudukan yang berkuasa (sovereignty) tetapi Kerajaan juga bertanggungjawab dan akan sentiasa mematuhi segala peraturan-peraturan yang dibuatnya dan sekiranya sesuatu kemusnahan berlaku maka agensi-agensi Kerajaan ini juga dapat dituntut sebagaimana yang saya katakan tadi.

Telah banyak juga ditimbulkan mengenai penyelarasan ini, saya sekali lagi suka hendak memberikan jaminan bahawa usaha-usaha sedang dijalankan pada masa ini untuk memperkemas lagi penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan ini.

Mengenai apa yang dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya rasa, bahawa bagi kerja-kerja tanah yang dianggap tidak membahayakan mengorek sesuatu lubang yang kecil-kecil yang tidak akan melibatkan bangunan-bangunan yang besar dan sebagainya, maka satu-satu Penguasa Tempatan itu boleh membuat peraturan-peraturan kecil untuk mengecualikannya. Mengenai cadangan-cadangan lain kita akan mengambil perhatian.

Berkenaan dengan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak, saya akan mengambil ingatan sepenuhnya dan suka saya menyatakan bahawa Akta Jalan, Parit dan Bangunan ini boleh dipakai juga kepada kawasan-kawasan yang di luar kawasan Penguasa Tempatan di bawah Seksyen 1 (6). Masalah gantirugi akibat kerja-kerja tanah sebagaimana yang disebutkan tadi terjadi juga, jawapannya adalah sama iaitu dia dianggap sebagai civil case, pihak yang bertanggungjawab akan dihukum oleh mahkamah sekiranya dia didapati bersalah.

Mengenai tanah runtuh akibat hujan maka perkara ini ialah perkara takdir Allah Subhanahuwataala dan kita tidak dapat hendak membuat suatu undang-undang bagi

mengawalnya tetapi walau bagaimanapun ada usaha-usaha yang kita boleh lakukan.

Mengenai keselamatan pekerja-pekerja dari terkena kesusahan-kesusahan, maka ini adalah tertakluk di bawah Undang-undang Mesin dan Jentera dan mengenai cadangan-cadangan yang lain Kementerian saya akan sentiasa mengambil ingatan terutamanya apabila membaiki lagi undang-undang ini pada masa-masa ke hadapan.

Sekianlah sahaja ulasan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.54 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum Akta Kerajaan Tempatan, 1976 telah dikanunkan pada awal tahun 1976. Sehingga hari ini Akta itu telah dipakai oleh beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Sementara beberapa buah negeri lagi sedang membuat persediaan untuk memakainya. Dalam masa 1½ tahun semenjak Akta itu dikanunkan didapati beberapa pindaan perlu dibuat untuk menyesuaikan keadaan-keadaan dan memperbaiki peruntukan-peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 dalam pindaan ini bertujuan untuk mengadakan takrif baru iaitu "nilai tambah" (improved value). Takrif ini perlu diadakan untuk membolehkan Pihakberkuasa Tempatan membuat asas alternatif bagi taksiran kadar di bawah Fasal 13. Peruntukan yang sedia ada bagi tujuan mengenakan cukai taksiran atas asas nilai tahunan akan menentukan keseragaman bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Namun demikian keadaan-keadaan tempatan yang berbeza di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini memerlukan asas penilaian alternatif untuk menentukan kesesuaian alternatif itu bagi negeri-negeri berkenaan. Misalnya ada negeri-negeri yang menggunakan penilaian tahunan bagi menilai harta-benda tetapi ada pula negeri yang menggunakan nilai tambah (improved value). Sekiranya Akta Kerajaan Tempatan, 1976 hendak dilaksanakan di negeri-negeri di mana sistem nilai tambah ini dipakai maka terpaksa penilaian semula dilakukan bagi harta-harta yang dinilai mengikut asas nilai tambah kerana yang dibenarkan oleh peruntukan yang sedia ada ialah penilaian tahunan. Penilaian semula harta bagi tujuan ini memakan perbelanjaan yang banyak dan juga memerlukan tenaga pekerja yang besar dan akan juga memakan masa yang panjang. Oleh hal yang demikian, amatlah perlu diberikan alternatif di bawah Fasal 13 dengan menambah peruntukan bagi penggunaan asas nilai tambah supaya negeri yang sekarang ini memakai sistem ini boleh terus memakainya setelah Akta Kerajaan

Tempatan, 1976 ini dikuatkuasakan di negeri-negeri.

Fasal 3 bertujuan untuk membolehkan Pihakberkuasa Negeri melantik bilangan maksima 24 orang Ahli Majlis-Ahli Majlis di Majlis Daerah sama banyak dengan yang terdapat dalam Majlis Perbandaran tanpa merujuk kepada Menteri yang berkenaan. Di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada sekarang ini Pihakberkuasa Negeri hanya boleh melantik bilangan maksima seramai 12 orang sebagai Ahli-ahli Majlis Daerah. Sekiranya perlantikan hendak ditambah sampai kepada 24 orang, Pihakberkuasa Negeri hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab mengenai Kerajaan Tempatan. Oleh kerana Majlis Daerah-Majlis Daerah yang diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 ini kebanyakannya adalah lebih besar kawasannya daripada Majlis Perbandaran, maka had keahliannya 12 orang difikirkan tidak mencukupi kerana ada negeri-negeri yang terpaksa melantik bilangan yang lebih daripada itu untuk menentukan bahawa Majlis Daerah itu mempunyai Ahli Majlis-Ahli Majlis yang boleh mewakili penduduk di seluruh kawasan Majlis. Oleh yang demikian perlulah peruntukan ini diubah untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri melantik bilangan maksima 24 orang sama seperti kuasa yang diberikan bagi melantik Ahli Majlis Perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 17 (1) Akta itu dengan mengadakan kaedah-kaedah supaya lebih banyak jenis hukuman boleh dikenakan ke atas seseorang pegawai atau pekerja Pihakberkuasa Tempatan yang telah melakukan kesalahan tata tertib. Peruntukan yang ada sekarang menyekat kuasa Pihakberkuasa Tempatan membuat kaedah tindakan tata tertib. Hanya 3 jenis hukuman sahaja boleh dikenakan di bawah peruntukan kuasa iaitu:—

- (i) Menurunkan pangkatnya;

- (ii) Menurunkan gaji; dan
- (iii) Mengenakan denda yang patut.

Pindaan kepada Fasal ini adalah memberikan kuasa yang lebih luas kepada sesebuah Penguasa Tempatan supaya boleh mengenakan denda-denda yang lain sebagaimana yang didapati di dalam Bab D Peraturan-peraturan Am Kerajaan.

Fasal-fasal 5 dan 6 bertujuan untuk memperkemas kehendak-kehendak tertentu odit dan penyediaan budget..

Fasal 7 bertujuan untuk memberi kuasa kepada seseorang pegawai alternatif iaitu seorang Pegawai Veterinar untuk memutuskan samada daging binatang-binatang yang disembelih itu layak atau tidak layak untuk makanan manusia. Peruntukan yang ada sekarang memberikan kuasa hanya kepada Pegawai Kesihatan sahaja tetapi oleh kerana didapati ada Pihakberkuasa Tempatan yang menggaji Pegawai Veterinarnya sendiri dan untuk meringankan beban kerja Pegawai Kesihatan, maka kuasa juga harus diberikan kepada Pegawai Veterinar itu.

Fasal 8 bertujuan untuk menambah kuasa Pihakberkuasa Tempatan untuk memberi pendahuluan-pendahuluan wang bagi maksud memperolehi atau mendirikan bukan sahaja rumah-rumah kediaman atau pangsa-pangsa, tetapi juga rumah-rumah kedai atau bangunan-bangunan perindustrian atau perdagangan. Peruntukan yang ada sekarang ini menghadkan kuasa Pihakberkuasa Tempatan untuk memberi bantuan-bantuan wang hanya bagi mendirikan rumah-rumah kediaman atau rumah-rumah pangsa sahaja. Tetapi oleh kerana peranan Penguasa Tempatan juga meliputi bangunan di dalam bidang-bidang lain termasuk perindustrian dan perdagangan maka kuasa ini perlu diperluaskan untuk perkara-perkara tersebut itu.

Ini membolehkan misalnya Penguasa-penguasa Tempatan untuk menyempurnakan tanggungjawab di bawah Dasar Ekonomi Baru

untuk mengadakan rumah kedai dan bangunan perniagaan untuk kaum bumiputra khususnya di kawasan-kawasan bandar.

Fasal 9 memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk menetapkan bayaran-bayaran dan cek-cek melalui undang-undang kecil kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda Seksyen 103 Akta itu dengan mengadakan peruntukan bahawa bukan sahaja undang-undang kecil tetapi juga kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan hendaklah diasaskan oleh Pihakberkuasa Negeri sebelum kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu mempunyai kuatkuasa.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 104 Akta itu supaya pihak berkuasa tempatan boleh menetapkan penalti-penalti tertentu bukan sahaja bagi pelanggaran undang-undang kecil tetapi juga bagi pelanggaran kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

Fasal 12 bertujuan untuk membetulkan kesilapan taip sahaja.

Fasal 14, 15 dan 16 adalah untuk membuat pindaan-pindaan yang berbangkit daripada pindaan Fasal 2 dan 13 yang telah saya terangkan pada mula-mula tadi.

Fasal 17 adalah untuk membetulkan suatu kesilapan kerana di bawah undang-undang yang dipakai hanya senarai taksiran sahaja yang disebut tetapi senarai nilai, tidak.

Fasal 18 bertujuan untuk membetulkan kesilapan-kesilapan taip dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah di sini bahawa sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perkara 95 (a) Perlembagaan Persekutuan, cadangan Rang Undang-undang ini telahpun dibincangkan dan dipersetujui oleh

Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dalam persidangannya pada 29hb Disember, 1977 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.03 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1978 yang berpunca daripada Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Daripada pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan didapati pada keseluruhannya jika dijalankan, saya percaya pentadbiran Kerajaan Tempatan yang diadakan di seluruh negara ini tentulah bertambah baik. Tetapi saya rasa ragu-ragu, adakah Kerajaan telah mempunyai kemampuan bagi melaksanakan Akta ini dengan seluas-luasnya? Kerana saya kata begitu di atas ucapan Yang Berhormat Menteri mengatakan pentadbiran Kerajaan Tempatan ini berlainan di antara sebuah negeri dengan sebuah negeri, dan kemungkinan oleh kerana berlainan ini ada negeri mempunyai kemampuan yang cukup bagi pentadbirannya dan kemungkinan ada negeri yang tidak mempunyai kemampuan bagi mentadbirkannya.

Sungguhpun perjalanan Kerajaan Tempatan ini telah berjalan begitu lama tetapi sehingga setakat ini saya mengambil peluang menyebut di atas perkara ada negeri yang tidak mempunyai kemampuan bagi menjalankan pentadbirannya dengan secukup sepertimana yang dikehendaki. Ada terdapat kawasan-kawasan Majlis Kerajaan Tempatan ini yang sehingga saat ini tidak mempunyai pejabat bagi mentadbirkannya hanya pejabatnya masih menumpang di pejabat yang lain. Dan sehingga setakat ini ada Majlis Tempatan

yang tidak ada Pengerusi. Dan ada pula didapati Majlis Tempatan tidak ada pegawai penguatkuasa. Dan jika disebutkan kemungkinan Yang Berhormat Menteri terperanjat kerana terlalu banyak kekurangan bagi menjalankan pentadbiran sepertimana yang dikehendaki, seperti pegawai, pejabat dan beberapa hal yang lain-lain lagi yang dapat dilaksanakan.

Kalau ada pihak yang bertanya di mana contohnya. Saya ingin menjawab, kawasan Majlis Daerah Matang di dalam daerah Larut dan Matang, Perak. Jadi kalau ada di kawasan yang saya katakan tadi kemungkinan ada di kawasan-kawasan yang lain oleh kerana keadaan berlainan di negeri-negeri dalam masaalah pentadbiran sepertimana yang diucap oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi. Jadi oleh sebab itu bagi hendak melaksanakan Akta ini dengan sebaiknya eloklah diselaraskan kepada semua negeri, jangan dikira negeri ini mempunyai kemampuan atau tidak, eloklah sepertimana yang saya katakan tadi tiap-tiap Majlis Daerah mempunyai pejabatnya sendiri, ada mempunyai Pengerusi, Pegawai Penguatkuasa dan beberapa masaalah yang lain sepertimana juga Majlis-majlis Tempatan yang ada di negeri-negeri yang maju.

Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, ada negeri-negeri lain mempunyai pentadbiran Majlis Tempatan yang lebih baik daripada kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Di dalam hal ini, saya ingin menyebut di dalam Dewan ini berkenaan dengan Fasal 2.

Fasal 2 yang bermaksud "nilai tambah". "Nilai tambah" yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi berasas nilai harta, rumah, tanah dan sebagainya yang sudah diperintah kepada pentadbir-pentadbir ini mengkaji semula kenaikan ataupun diturunkan harga tanah bagi setengah-setengah tempat, harga-harga rumahnya supaya rakyat yang ada di kawasan tersebut untuk membayar cukai-cukai kepada pihak-pihak yang

berkenaan. Ada terdapat di dalam negara kita ini di setengah-setengah tempat yang tidak patut dinaik begitu tinggi sudah dinaik begitu tinggi. Ada setengah tempat yang patut diturun, tidak diturun, masih dinaikkan juga. Ada setengah-setengah tempat yang sepatutnya yang kita agak tempat itu dinaik tidak dinaik tinggi. Oleh sebab itu sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya dapat diselaraskan kepada semua negeri di dalam negara ini sebenar-benarnya dapat diselaraskan di atas asas nilai di dalam Fasal 2 ini. Mungkin akan ditanya di mana contohnya? Saya ingin menyebut di Dewan ini — Majlis Perbandaran Taiping dengan Bandaraya Kuala Lumpur ada terdapat nilai-nilai asas penilaian tanah di Kuala Lumpur lebih murah yang dicadangkan jika dibanding dengan Taiping yang akan dinaikkan tidak berapa lama lagi. Pada hal kalau kita perhatikan kita dapat menganggap kemungkinan di Kuala Lumpur lebih tinggi daripada di Taiping. Tetapi sekarang sudah berlainan di Taiping beberapa bahagian daripada kawasan tertentu dicadangkan dinaikkan lebih tinggi daripada kawasan-kawasan yang di Kuala Lumpur. Maka oleh sebab itu eloklah sepertimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya dapat diselaraskan, diseimbangkan di seluruh kawasan-kawasan yang dikuasai oleh Kerajaan Tempatan, oleh Majlis-majlis Tempatan dapat diselaraskan mengikut kehendak-kehendak atau kemampuan bagi rakyat-rakyat di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Fasal 3 ada seramai 12 orang ahli Majlis Daerah yang dicadangkan supaya meningkat sekali ganda kepada 24 orang supaya mereka ini dapat membantu pentadbiran majlis-majlis Daerah di negara kita ini lebih baik daripada yang ada sekarang.

Saya mengalu-alukan di atas penambahan supaya daripada 12 orang ahli menjadi 24 orang sepertimana di dalam Fasal ini. Saya percaya ahli-ahli Majlis Daerah ini yang akan dilantik dan sudahpun dilantik akan terdiri

daripada pemimpin-pemimpin masyarakat yang berkenaan di kawasan-kawasan tersebut sepertimana juga Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Jadi oleh sebab itu kita patut menganggap mereka ini yang dilantik untuk menduduki sebagai Ahli Majlis Daerah di kawasan-kawasan yang berkenaan mereka juga ialah Wakil-wakil Rakyat bagi kawasan mereka sendiri. Oleh sebab itu sepatutnya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengadakan satu peraturan supaya mereka ini juga diberi hak-hak istimewa yang tertentu kepada mereka supaya mereka ini dapat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dan pihak-pihak yang tertentu Kerajaan mentadbir bagi menjalankan, menjayakan pentadbiran Majlis Daerah yang disebut di dalam Fasal ini.

Hak istimewa yang saya sebutkan ini sekurang-kurangnya kita hendaklah memberi mereka kuasa-kuasa yang tertentu supaya mereka ini mempunyai hak-hak sebagai ahli ataupun Wakil Rakyat bagi kawasan-kawasan yang berkenaan ini bagi menjalankan pentadbiran harian di kawasan mereka sendiri. Sebabnya saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada terdapat Ahli Majlis Daerah apabila sahaja menegur pegawai-pegawai yang menjalankan tugas harian di kawasannya masing-masing tidak pun diendahkan oleh pihak pegawai-pegawai yang berkenaan. Ini boleh jadi menyebabkan maruah Ahli-ahli Majlis yang telah dilantik dan boleh jadi mereka juga tidak mempunyai kuasa yang ditentukan oleh pihak Kerajaan. Oleh sebab itulah mesti mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu supaya mereka dapat mengawali bersama-sama dengan Kerajaan supaya pekerja-pekerjanya dapat menjalankan kerja-kerja harian mereka dengan sebaik-baiknya.

Selain daripada kuasa-kuasa yang diberi kepada mereka eloklah diberi elaun juga, kerana ada terdapat negeri-negeri di dalam negara kita ini diberi elaun yang secukupnya kepada Ahli-ahli Majlis ini pada tiap-tiap negeri juga. Tetapi ada juga Ahli-ahli Majlis yang tidak mendapat sesen pun sepanjang

mereka menjalankan tugas-tugas mereka bagi beberapa tahun yang sudah. Oleh sebab itu Kerajaan patut menentukan diberi elaun yang sama kepada Ahli-ahli Majlis di seluruh negara, janganlah di Pulau Pinang misalnya diberi elaun lebih daripada Negeri Selangor dan di Perak pula tidak ada elaun langsung daripada negeri-negeri lain. Hal ini hendaklah diselaraskan bagi keseluruhan kawasan kita di seluruh negara.

Selain daripada ini mengenai masaalah layanan. Apabila Ahli-ahli Majlis ini sakit, masuk ke rumah sakit, ada didapati apabila Ahli-ahli Majlis ini dimasukkan ke rumah sakit kerana sakit, mereka ini dimasukkan ke dalam wad kelas 3 sepertimana rakyat biasa. Dan oleh kerana mereka berada dalam wad kelas 3 mereka sudah menjadi serba salah kerana pada hari-hari mereka menjalankan tugas, seolah-olah sepertimana saya kata tadi mereka pun menjadi Wakil Rakyat juga dan sepatutnya mereka ini diberi wad kelas 2 dengan percuma oleh kerana kalaulah beribu-ribu Ahli Majlis Daerah yang dilantik takkanlah keseluruhan hendak masuk ke hospital. Kemungkinan sebahagian kecil sahaja yang terpaksa dirawat di rumah sakit dan sebagainya, dan tentulah Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai keadilan yang cukup, hospital yang cukup dan kita mempunyai cara-cara yang baik tentulah kemampuan supaya Ahli-ahli Majlis ini dimasukkan wad kelas 2 dan diberi rawatan percuma.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 4 berkenaan dengan pekerja-pekerja ini dalam Majlis-majlis yang berkenaan. Pekerja sepertimana yang saya katakan tadi ada terdapat Majlis Daerah yang tidak ada Pengerusi, setelah dijalankan selama beberapa tahun, tidak ada pegawai penguatkuasa, tidak ada pegawai-pegawai yang cukup supaya menjaga pekerja-pekerja, membersih dan berbagai-bagai kerja di kawasan masing-masing. Oleh sebab itu masaalah pegawai-pegawai hendaklah juga dapat diperhatikan oleh Kerajaan supaya perlantikan-perlantikan

keseluruhan Majlis-majlis Daerah, Pengerusi, pegawai penguatkuasa dan sebagainya dapat diberi kepada keseluruhan sepertimana yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga setakat ini Majlis Daerah Matang sebagai contohnya saya maksudkan tadi tidak ada Pengerusi, tidak ada pegawai penguatkuasa dan banyak lagi pegawai-pegawai yang patut ada sehingga setakat ini tidak ada, maka Majlis Daerah Matang tidak dapat ditadbir dengan baik sepertimana di kawasan-kawasan yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut masaalah peruntukan kewangan bagi keperluan pentadbiran yang patut diberikan kepada Majlis Daerah mengikut yang ditentukan oleh pihak Kerajaan. Ada terdapat Majlis-majlis Daerah tidak mempunyai kewangan yang cukup bagi melaksanakan projek-projek yang ditentukan dan sudah mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan. Misalnya saya biasa menyebut di dalam Dewan ini mengenai bandar Taiping yang biasa dijawab oleh Yang Berhormat Menteri akan diambil perhatian dan sebagainya dan dipercayai bantuan-bantuan seperti ini akan diberi.

Selain daripada Bandar Taiping sebagai contoh, contoh di Matang tadi juga sehingga setakat ini peruntukan-peruntukan kewangannya tidak diberi dengan secukupnya maka pelaksanaan yang patut dibuat oleh Majlis-majlis Daerah ini tidak dapat dijalankan melainkan terpaksa pula Wakil-wakil Rakyat di kawasan Matang ini berjumpa dengan pihak-pihak yang berkenaan di Kuala Lumpur meminta bantuan bagi membuat beberapa projek membaiki dan sebagainya bagi menjaya di kawasan-kawasan yang berkenaan. Oleh itu, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat mengambil perhatian kawasan-kawasan yang seperti ini yang sudah disebut begitu rupa kemungkinan ketinggalan terlalu jauh ke belakang daripada negeri-negeri lain patut demi mengambil perhatian

yang berat bagi menjaya, melaksanakan sepertimana yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1978 yang ada kaitan dengan Akta 1976 yang dimaksudkan.

5.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini akan menjadilah Majlis-majlis Tempatan yang ada di seluruh negara, termasuk Perlis berjalan dengan baik. Saya katakan demikian kerana Majlis Tempatan yang ada hari ini boleh dikatakan serba salah. Kalau Majlis Tempatan yang ada hari ini hendak berjalan kerana mereka sama-sama maklum yang Majlis ini akan dibubarkan sebagaimana dikatakan oleh Menteri tadi, mula-mula daripada tahun 1976 tetapi oleh sebab ada pindaan maka Majlis yang berkenaan boleh dikatakan tidak berjalan sebagaimana yang dikehendaki. Barulah hari ini pula Rang Undang-undang yang tepat, yang dipinda agak saya Rang Undang-undang ini akan berjalan terus.

Saya berharap juga dengan pindaan ini akan membawa satu kebaikan yang saya yakin walaupun kuasa melantik Ahli Majlis Tempatan ini diserahkan kepada Jawatankuasa Negeri, kepada Pihakberkuasa Negeri tidak dengan pilihan seperti masa-masa yang lepas ada setengah Majlis Tempatan dipilih. Saya ingat ini amatlah bersesuaian kerana Pihakberkuasa Tempatan ataupun Bandaran, mereka ini kalau dinisbahkan kepada kuasa Negeri atau kuasa Pusat diibaratkan satu kapal, boleh dikatakan bilik-bilik yang ada dalam kapal yang berkenaan. Jadi pelik sangat kalaulah dalam satu kapal ada dua kapten, Pihakberkuasa Kerajaan Tempatan lain, Pihakberkuasa Kerajaan Negerinya lain. Pihakberkuasa Kerajaan Negeri saya misalkan hendak buat satu-satu masaalah atau satu-satu kebersihan di tempat masing-masing, bila

dibangkang oleh Pihakberkuasa Tempatan ini membawakan tidak boleh membuat jalan yang baik tetapi dengan adanya Rang Undang-undang yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri ini saya yakin macam mana saya kata tadi bersesuaian sangatlah, satu kapal biarlah satu kapten walaupun biliknya berasing-asing, asalnya ialah satu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana disuarakan oleh saudara saya dari Matang tadi saya bersetuju boleh dikatakan 80% dari segi beri keistimewaan kepada Ahli-ahli Majlis Tempatan tentang hospital dan sebagainya kerana pelik sangat bagi satu-satu Ahli Majlis yang namanya baik, keistimewaannya tidak ada langsung tetapi tentang pendapatan gaji ataupun elaun saya fikir tentulah tidak boleh hendak disamakan, seperti kata pepatah : lain padang lain belalang, lain kerja lain pendapatan, walaupun kerjāsama yang mana saya yakin walaupun elaun Ahli Dewan Negeri seluruh Malaysia boleh dikatakan sama, begitu juga Ahli Dewan Rakyat tetapi ada setengah-setengah negeri kalau luar daripada negara kita harus tidak sama. Walau bagaimanapun, kalaulah peruntukan ini boleh dibiayai oleh Kerajaan Pusat, oleh Kementerian Kerajaan Tempatan itu saya sokong sangat tetapi biarlah kalau ada setengah Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan yang boleh mencari wang dengan banyak dengan ikhtiar Ahli-ahli Majlis Tempatan itu jadi pelik sangatlah elaun mereka itu kita hendak samakan dengan ada setengah Ahli di Majlis Tempatan yang pendapatannya cukup sikit, cuma semata-mata hendak berharap kepada Kerajaan Pusat. Jadi kalaulah boleh Kerajaan Pusat membiayai, saya tegaskan sekali lagi, kesemuanya saya sokong sangat pendapat sahabat saya dari Matang tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menarik perhatian saya dalam Fasal 8, kalau tidak silap, menambah wang untuk membuat rumah-rumah dan rumah-rumah perniagaan atau perindustrian. Ini saya amat bersetuju tetapi di samping itu saya berharap biarlah perbuatan itu berkenaan dengan

tempat, bersesuaian dengan keadaan dan bersesuaian dengan kuasa. Jadi biarlah Majlis Tempatan yang saya maksudkan tadi diutamakan kepada anak-anak yang mencari makan dalam tempat itu. Misalnya, buat rumah-rumah perniagaan biarlah rumah-rumah yang berpatutan, terutama yang boleh ditumpang berniaga oleh peniaga-peniaga atau penjaja-penjaja kecil. Janganlah seperti hari ini kita kata UDA sudah membuat rumah besar-besar, kalau Majlis Tempatan pula hendak ambil peluang hendak buat rumah batu yang besar lama-kelamaan penjaja-penjaja kecil yang hendak tumpang cari makan dalam Majlis Tempatan atau Bandaran tidak ada tempat, jadi tidak ada peluang hendak cari. Dengan sebab itu rumah yang ada, mana-mana Pihakberkuasa buat samada UDA, rumah yang besar yang tidak boleh dapat oleh pihak-pihak yang berpendapatan rendah ini hendak tumpang cari makan khususnya kepada bumiputra.

Saya berharap dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini saya syorkan kalau di Perlis walaupun ada peruntukan, kalau tidak silap saya daripada Jabatan Perdana Menteri yang beri kepada penjaja walaupun peluang ataupun kuasa yang hendak dibuat dalam tempat itu adalah kuasa hakmilik Tempatan, saya berpendapat kalau sudah ada peruntukan khas daripada Majlis Tempatan wang boleh diberi, hendaklah Majlis Tempatan membuat dengan seberapa cepat yang boleh. Saya berkata begitu, kalaulah saudara saya tadi dari Matang mencontohkan hal Matang, maka saya juga ada masalah hal saya di Perlis sendiri. Banyak penjaja-penjaja kecil ini tidak ada tempat hendak berniaga, lari ke sana-sini, bawa gerainya lintang-pukang — ini telah berlaku dalam masa sebulan ini. Saya berharap perkara yang macam ini kalau boleh jangan berlaku lagi dan saya tegaskan sekali lagi saya berharap kepada Majlis Tempatan dengan nasihat Menteri yang berkenaan adakan rumah yang bersesuaian yang patut boleh diniagakan oleh orang yang saya sebutkan tadi, janganlah kita hendak buat rumah yang besar-besar sangat.

Yang kedua, saya berharap juga sebolehnya kita hendaklah melakukan keadilan yang sungguh-sungguh. Saya berkata begitu kadang-kadang pihak yang kecil ini atau apa sekalipun selalu kena tinas. Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya contohkan macam motosikal. Kalau hendak tahan pun kerap kali di jalanraya itu motosikal yang selalu kena tahan, kalau motokar besar itu boleh dikatakan lalu begitu sahaja begitu juga rumah-rumah dalam pekan dan tempatan. Rumah yang kecil, gerai yang kecil selalu dihambat ke sana-sini tetapi kalau rumah yang besar walaupun terkeluar daripada landasan Tempatan, terkeluar daripada pelan yang didapati, kadang-kadang diluluskan juga, ini saya amat sedih. Jadi diharap dengan Menteri yang saya yakin, saya tidak mahulah kata lebih daripada itu, penuh kejujuran dan keikhlasan, penuh bertanggungjawab dan mencari keadilan perkara ini, awasilah betul-betul kerana perkara ini selalu berlaku.

Saya berharap juga dengan Rang Undang-undang ini Majlis-majlis Tempatan yang kita tengok hari ini boleh dikatakan tidak begitu bersih, dengan paritnya penuh dengan sampah-sarap, kadang-kadang kita tengok dalam satu-satu lingkungan Majlis Tempatan kalau hendak banding dengan rumah yang bukan dalam Majlis Tempatan lebih bersih lagi dengan pokok-pokok bunga dan sebagainya boleh dikatakan cukup teratur tetapi dalam Majlis Tempatan di Kangar atau di Kaki Bukit saya tengok keadaannya boleh dikatakan tidak begitu bersih. Saya berharap dengan Jawatankuasa yang akan dilantik ini akan mengambil tindakan kerana ada dalam peruntukan ini kuasa-kuasa yang tertentu diberikan kepada pihak yang berkenaan dan kalau pihak yang berkenaan tidak menjalankan, ada kuasa-kuasa lagi, pendek kata kuasa-kuasa itu selalu diberi.

Saya berharap sangatlah Majlis Tempatan ini akan dijalankan dengan seberapa segera yang boleh dan akan dilantik dengan seberapa segera yang boleh. Saya tahulah, Tuan Yang

di-Pertua, tempat saya sendiri boleh dikatakan hendak buang salah, tidak buang pun mereka itu masih menjadi Ahli Majlis Tempatan. Saya berharap sekali lagi dengan adanya Majlis Tempatan yang telah diluluskan hari ini akan menjadi sehalu, maju dengan pihak Kerajaan Negeri masing-masing.

5.27 ptg.

Datuk Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Undang-undang Kerajaan Tempatan baru sahaja diluluskan tidak berapa lama dahulu sudah memerlukan pindaan diadakan. Ini tidak menghairankan kerana dari semasa ke semasa wajib kita memperhatikan perjalanan segala undang-undang yang kita gubal dan apabila tidak sesuai, tidak kena ataupun ada kesilapan hendaklah dibetul dan diperelokkan. Sebab itu sambil menyokong Rang Undang-undang ini yang bermaksud untuk mendatangkan beberapa pindaan yang perlu akan dianggap perlu. Saya rasa kesal yang Kerajaan dan Kementerian berkenaan tidak mengambil tindakan untuk mendatangkan pindaan-pindaan yang pada hemat saya dan banyak orang masih diperlukan.

Terutama sekali saya hendak menarik perhatian kepada sungutan yang telah dikemukakan oleh penduduk Pulau Pinang, khasnya orang yang tinggal di luar bandar yang masih membuat bendang, duduk di pondok-pondok, rumah-rumah yang tidak begitu sempurna oleh sebab kemiskinan, kemunduran mereka dan sungutan ini setakat yang saya tahu telah disampaikan kepada pihak pemerintah menerusi saluran-saluran tertentu, boleh dikatakan setiap-tiap Bahagian UMNO di Negeri Pulau Pinang telah membuat ketetapan yang serupa maksudnya dan telah disampaikan kepada pihak pemerintah.

Saya sendiri lebih bersekali berpatuh kepada pendapat-pendapat parti dan juga

daripada rayuan dan sungutan orang ramai dalam Dewan yang mulia ini telah juga pernah kemukakan soal ini iaitu satu keadaan yang amat ganjil yang terdapat di Pulau Pinang dan Seberang Prai di mana keseluruhannya Pulau Pinang dijadikan satu kawasan Majlis Perbandaran dan seluruh kawasan Seberang Prai telah dijadikan kawasan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran Seberang Prai. Iaitu menafikan keadaan yang nyata, menafikan yang adanya kampung di Negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai ini, yang menafikan adanya kawasan luar bandar dalam negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai ini. Ini apakah maksudnya, apakah tujuannya iaitu apakah muslihatnya, saya tidak mahu membangkitkan. Ini terserahlah kepada mereka yang hendak memenungkan, memikirkan dan menimbang, menungkanlah, memikirkkanlah, menimbanglah dan mendapatlah kesimpulan masing-masing. Tetapi pada segi keadilan, segi realism, segi pentadbiran secara sempurna tidak dapat tidak kita mengaku bahawa cara ini sangatlah tidak sesuai dan tidak dapat dijalankan secara adil dan secara sempurna.

Mengadakan Kerajaan Tempatan secara perbandaran di mana masih adanya kampung-kampung, rumah atap dan pondok-pondok, adanya kebun-kebun getah, adanya bendang dan sebagainya dan setiap penduduk dalam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Prai ini dikenakan undang-undang municipal, undang-undang perbandaran yang memerlukan pelan untuk setiap bangunan, yang memerlukan jamban tarik yang sangat mahal yang tidak mampu mereka membina, yang memerlukan membayar cukai yang setaraf sebaya dengan yang dibayar oleh penduduk yang lebih mewah dalam kawasan yang lebih maju di bandar, tentulah pada akal, pada fikiran orang yang siuman, orang biasa tidak dapat diterima.

Kita menerima bahawa corak pemerintahan kita secara demokrasi, secara berparlimen ini juga mengandungi satu aspek, satu segi yang memerlukan adanya Kerajaan Tempatan.

Kita tidak mahu memberikan samada Kerajaan Tempatan ini mesti ditadbir oleh wakil-wakil yang dipilih atau wakil-wakil yang dilantik, itupun saya tidak mahu bangkitkan pada hari ini, sebab perkara ini mungkin akademik, barangkali boleh kita bahas panjang, ketepikan soal ini. Kita terima sahaja mesti diadakan Kerajaan Tempatan. Akan tetapi Kerajaan Tempatan mestilah ikut corak bentuk kawasan masing-masing. Kalau adanya kampung biarlah kita adakan secara pemerintahan cara kampung, kalau kawasan itu di luar bandar biarlah kita adakan secara pemerintahan tempatan secara luar bandar, kalau kita ada bandar bolehlah kita adakan pentadbiran secara bandar. Dan kalau kita ada kotaraya ataupun bandar besar bolehlah kita ada cara pemerintahan pentadbiran Kerajaan Tempatan secara municipal, secara perbandaran, secara city (bandaraya) tetapi janganlah kita melonggokkan semua lapisan ini menjadi satu sebab persamaan hanya dapat diadakan antara mereka yang sama kemampuan, sifat, kebolehan dan sebagainya pada mereka. Bila sesuatu suasana yang sama diwujudkan di dalam satu masyarakat yang berbeza-beza, taraf kehidupan dan taraf keadaan masing-masing, ini bukan ertinya keadilan, ini bukan bermakna adanya persamaan, sebaliknya ini ertinya tekanan, ini ertinya menakluk, memerintah, berkuasa, yang kuat, yang kaya, yang berkebolehan, yang menerima tekanan, yang menerima kesan yang buruk, yang akan tertewas, akan tergadai tanah, akan tinggal lebih buruk ialah mereka yang tertekan pada waktu ini dengan keadaan hidup taraf yang begitu rendah yang terpaksa hidup dalam keadaan yang sangat berbeza dari mereka yang lebih mewah. Sayang kesempatan untuk mengadakan pindaan ini tidak diperolehi untuk mendatangkan perubahan yang kami sudah berbulan, sudah berapa lama menuntut supaya diadakan.

Kalau hendak merebak, membesarkan kawasan perbandaran, kami tidak membangkang. Memang ini ialah aliran sejati, aliran biasa, di mana mesti merebak, mesti

menjadi lebih besar, setiap bandar itu mesti meluaskan kawasannya sedikit demi sedikit. Dengan adanya rumah-rumah baru dibina, dengan adanya jalan baru yang disediakan, dengan adanya segala infrastruktur yang secukupnya untuk mencukupkan sifat-sifat kawasan di sekeliling bandar yang terdapat meningkatkan taraf sama dengan bandar yang sedia kala. Berasas kepada ini memang kita akan menyambut dengan baikinya, memperluas sebarang langkah untuk memperluaskan samada bandar Georgetown yang dahulunya sudah ditinggikan dengan bandar pekan chartered piagam istimewa daripada Queen lebih tinggi daripada municipal menjadi city council — baik, besarkan, tetapi janganlah memperluaskan sampai memperlibatkan semua termasuk bendang, kampung, termasuk kebun getah, termasuk tempat yang memang tidak bersifat bandar.

Saya boleh berhujah dan boleh menambah dan boleh bercakap 10 jam menegaskan sungutan ini yang menjadi tangisan orang Melayu khususnya, tetapi termasuk juga semua bangsa, semua golongan, Cina, India dan sebagainya yang tinggal di luar bandar, yang telah dipaksa masuk dalam kawasan bandar, yang sekarang terpaksa memikul tanggungan-tanggungan yang dipikuli oleh mereka yang sanggup hidup dalam bandar akan tetapi tanpa menerima layanan-layanan yang sewajarnya.

Sekiranya pemerintah Pulau Pinang sanggup memberi kepada penduduk, penghuni luar bandar di Pulau Pinang dan Seberang Prai layanan yang sama seperti juga yang diberi dan dapat dinikmati oleh orang yang tinggal dalam bandar serta-merta sama sahaja boleh juga barangkali kita terima. Sungguhpun itu barangkali susah tetapi boleh kita terima, akan tetapi pada hakikatnya memang tidak sanggup, tidak berupaya Kerajaan Tempatan kedua-dua itu menjalankan dan memberi perkhidmatan sehingga boleh memuaskan kita. Setakat kawasan yang sedia kala itupun belum dapat mengadakan kemajuan sehingga dapat dijadikan sama

setaraf dengan keadaan sekelilingnya. Di tengah-tengah bandar itu masih ada kawasan-kawasan termundur, tertinggal yang tidak dan belum lagi menerima layanan yang sewajarnya untuk perbandaran. Biarlah ditumpukan usaha-usaha, tenaga dan segala kewangan yang ada untuk memperelok dan mempertingkatkan mutu keadaan kawasan-kawasan dalam bandar yang sedia ada, barulah cuba melingkung dan memasukkan secara paksa kerana menggunakan undang-undang ini segala kawasan di luar bandar itu. Saya ulangi lagi tak dapat dielakkan dan tidak boleh kita tuduhkan mereka yang menganggap langkah ini dengan satu perasaan syak yang ada sesuatu maksud yang tidak diinginkan dari segi sosio-ekonomi dan politik yang mendatangkan kerugian kepada penduduk-penduduk luar bandar. Saya harap Kementerian yang berkenaan akan mengkaji keadaan ini dan akan mendatangkan pindaan-pindaan yang sepatutnya kepada Akta Kerajaan Tempatan ini supaya keadaan tidak adil yang tidak dapat dipertahankan itu dibetulkan, supaya sungutan dan rayuan rakyat itu tidak sia-sia dan tak dipedulikan seperti yang terdapat pada hari ini. Begitu juga saya rasa kesempatan diambil untuk mengadakan pindaan-pindaan kepada Akta Kerajaan Tempatan memandangkan kepada pengalaman yang sudah dilalui oleh Kerajaan Tempatan dari segi kewangan dan lain-lain lagi. Misalnya, di Pulau Pinang dan Seberang Prai kedua-dua buah Majlis Perbandaran sangat-sangat kekurangan wang, menghadapi krisis demi krisis kerana tidak cukup malahan untuk membayar gaji pun kalau tidak dapat imbuhan, sokongan dan tambahan daripada Kerajaan Pusat (Federal). Sekiranya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang yang boleh dikatakan lebih maju daripada kawasan-kawasan yang lain tidak ada kemampuan dan tidak sanggup menjalankan pentadbirannya tanpa menerima bantuan kewangan yang lebih besar, bagaimana pula keadaan yang akan dialami oleh lain-lain Kerajaan Tempatan di lain-lain tempat yang barangkali tidak begitu maju dan tidak mempunyai punca-punca dan sumber-sumber untuk mengutip hasil dan dapat

mengadakan taksiran seperti yang telah diadakan di Pulau Pinang itu. Dari segi taksiran dan penilaian pula dalam tempoh dua tiga tahun yang lepas ini semua lapisan penduduk Pulau Pinang telahpun menggelisah, mereka menggelisah kerana desakan kekurangan wang yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan ini berekor pula dengan tindakan Kerajaan Tempatan ini mengadakan langkah-langkah taksiran dan penilaian baru yang menyebabkan kenaikan cukai yang dikutip. Dengan kenaikan itupun tidak mencukupi untuk perbelanjaannya. Saya berseru, meminta dan buat rayuan supaya pihak Kerajaan Pusat, khasnya Kementerian Kerajaan Tempatan akan mengkaji dan ulangkaji soal corak Kerajaan Tempatan sekali lagi. Barangkali negeri kita dan keadaan kita tidak mengizinkan ataupun belum sampai masanya lagi bagi kita meniru cara-cara pemerintahan Kerajaan tempatan sebagaimana terdapat di lain-lain tempat. Barangkali konsep integrasi yang telah dicubakan di Pulau Pinang itu telah didorong oleh niat dan tujuan yang baik, barangkali dengan percubaan untuk mengintegrasikan dan mempercantumkan semua badan-badan tempatan seperti di Pulau Pinang iaitu Majlis Perbandaran dahulu dengan Majlis Luar Bandar ataupun di Seberang Prai, dengan mempercantumkan tiga majlis yang terdapat dahulu di utara, tengah dan selatan Seberang Prai.

Tujuannya itu barangkali akan menjimatkan belanja dan akan lebih melicinkan pentadbiran dengan tujuan barangkali hendak memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan. Ini mungkin tujuannya baik tetapi kita sudah dapati daripada amalan bahawa sekiranya ini menjadi apa yang saya sebutkan itu, menjadi dasar dan tujuan asalnya sekalipun, pada amalannya sudah kita dapati hasilnya bukan tercapai akan tetapi menghasilkan pertentangan dan menghasilkan masaalah-masaalah yang kita hadapi waktu ini. Sekiranya susah dan payah dan barangkali akan memakan masa panjang menunggu usaha mengulangkaji sebelum dapat dirombak dan

disusun semula, bukan sahaja di Pulau Pinang akan tetapi di seluruh negara ini sebagai langkah pertama dan permulaan dengan cara berunding antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Dan saya katakan berunding sebab bila kita tegur dan kemukakan perkara ini kepada pihak berkenaan Pulau Pinang. Pentadbiran Pulau Pinang menjawab kami menjalan undang-undang tuan-tuan semua yang ada di Parlimen suruhlah Kerajaan Pusat buat itu dan ini. Kami patuh sahaja, kami buat ini kami disalahkan pula. Apa yang Kementerian suruh buat kami buat. Tetapi saya fikir jawapan itu barangkali tidak begitu benar. Tetapi bagaimanapun barangkali cara berunding dan berpakat antara Kerajaan Negeri dan Pusat bagi permulaan, langkah pertama melonggarkan semula, balikhlah kepada keadaan dahulu di mana bandar Georgetown itu balik menjadi Majlis Perbandaran untuk Tanjung atau Georgetown dan Majlis Tempatan Luar Bandar dipulangkan kepada asalnya sebagai Majlis Luar Bandar dan sedikit demi sedikit, setapak demi setapak selepas dapat Perbandaran Pulau Pinang memajukan tempat-tempat dalam kawasan bandar itu cukup dan dengan adanya pembinaan dan kemajuan dicapai sekelilingnya beransur-ansur Kerajaan memperluaskan bandar itu mungkin mengambil masa 100 tahun atau 200 tahun.

Bila seluruh Pulau Pinang itu menjadi bandar penuh sesak dengan rumah, ummat dan sebagainya sudah cukup kemajuan senang dengan sendirinya kawasan luar bandar di atas pulau itu akan susut akan sedikit-sedikit menjadi lebih kecil sehingga habis sama sekali. Begitu juga di Seberang Prai terpulang kepada keadaan kalau perlu diadakan Majlis Bandaran Butterworth, adakan Majlis Bandaran Bukit Mertajam, adakan Majlis Bandaran Nibong Tebal, tetapi pada hemat saya sendiri kerana Seberang Prai itu jauh ketinggalan, keadaan di Seberang Prai itu lebih berdekatan dengan keadaan Negeri Perlis dan Negeri Kedah barangkali lebih baik ditadbirkan juga di peringkat Kerajaan Tempatan oleh Majlis Luar Bandar dan kalau

kita hendak memperbandarkan biarlah beransur-ansur juga sedikit demi sedikit diperluaskan bandar Butterworth, Bukit Mertajam, Nibong Tebal dan mungkin mengambil masa juga 100, 200, 300 tahun barangkali dapat memasukkan kesemuanya supaya dapat penduduk-penduduk di luar bandar itu yang belum berkesanggupan di waktu ini dapat hidup sebagaimana mereka telah dapat hidup tanpa bebanan yang ditimpa ke atas mereka pada hari ini yang mereka tidak berkesanggupan. Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun ada lain-lain perkara yang hendak saya sentuhkan tetapi oleh kerana memandang pentingnya perkara ini sahaja saya menghadkan diri saya sendiri pada hari ini mengenyakan lain-lain perkara yang saya suka kemukakan ataupun lain-lain teguran memang ada terselit di hati saya sendiri, tetapi menumpu haknya semata-mata dan sebulat-bulatnya kepada satu perkara ini sahaja yang saya harap pihak Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Pulau Pinang berunding dengan Kerajaan Pusat bagi menimbangkan dan mencari jalan bagi mengatasinya.

5.50 ptg.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan dan juga teguran di sini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa terbitnya Akta baharu, Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang telah dikenali sebagai Akta 171 ini telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dahulu ialah untuk menyusun semula susunan Penguasa-penguasa Tempatan seluruh tanah air kita berbangkit daripada cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh sebuah Suruhanjaya Di-Raja yang dipengerusikan oleh mendiang Datuk Athi Nahappan dan adalah menjadi tujuan laporan itu dan juga Akta yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1976 dahulu selain daripada untuk memperkemas susunan-susunan pentadbiran Penguasa-penguasa

Tempatan ialah untuk menjadikan pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan kita lebih sophisticated untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada seluruh negeri ini yang diam di dalam kawasan Penguasa Tempatan supaya sekalian mereka itu menikmati kualiti hidup yang memuaskan.

Pindaan-pindaan yang telah dibentangkan hari ini ialah untuk menjaminkan tujuan-tujuan daripada laporan itu dan Akta Asal Kerajaan Tempatan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Patut juga saya jelaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar utama daripada laporan itu dahulu ialah hendak menjadikan seluruh muka bumi tanah air kita ini terletak di bawah kuasa Penguasa-penguasa Tempatan, atau dengan lain perkataan, bagi matlamat akhir bagi laporan ini hendak menjadikan bumi negara kita ini tidak seincipun terkeluar daripada satu badan. Tetapi walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna akan dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya tanpa menghiraukan kepentingan mereka yang tertentu terutamanya mereka yang miskin, mereka yang tidak berada seperti yang diketahui masih ramai lagi yang diam di pinggir-pinggir kawasan-kawasan bandar ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sendiri sebagai seorang Menteri yang telah dipertanggungjawabkan atas masalah ini saya merasakan bahawa ada banyak perkara yang harus kita laksanakan dengan cukup hati-hati dan dengan penuh pertimbangan. Saya boleh memahami hasrat dan juga minat Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas itu dengan seberat-beratnya. Bagi Kerajaan Pulau Pinang yang telah melaksanakan Akta 171 itu di dalam kawasan Pulau Pinang dan juga Seberang Prai sepenuhnya mungkin baginya ada alasan bahawa Pulau Pinang ingin mencapai kemajuan yang lebih dahulu daripada negeri-negeri lain, ini mungkin menjadi hasrat negeri itu dan ia mahu merancangkan segala-galanya daripada sekarang ini sebelum sesuatu menjadi kucar-kacir dan sebelum sesuatu menjadi tidak dapat dikendalikan atau tidak dapat

disusun pada masa akan datang. Mungkin ini menjadi hasrat Kerajaan Pulau Pinang tatkala melaksanakan sepenuhnya Akta Kerajaan Tempatan, 1976 itu. Tetapi walau bagaimanapun, sebagai Menteri yang bertanggungjawab saya faham akan hasrat penduduk-penduduk Pulau Pinang. Saya sendiri telah pergi ke Pulau Pinang dan sukalah saya nyatakan di sini bahawa saya sendiri telah menerima banyak memorandum-memorandum daripada penduduk-penduduk luar bandar Pulau Pinang dan juga daripada beberapa bahagian-bahagian UMNO dan saya juga sedang menunggu lagi dan boleh menunggu lagi sekiranya ada memorandum-memorandum daripada sesiapa juga daripada Pulau Pinang dan Seberang Prai terutamanya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya sudi barangkali dapat memberikan pandangan-pandangan mereka secara details supaya saya dan Kementerian saya dapat mengkaji sedalam-dalamnya.

Suka saya menyatakan di sini bahawa saya telah mengarahkan supaya menyediakan satu kertaskerja (working paper) yang akan saya jadikan panduan saya sendiri, saya sendiri mempunyai cadangan akan mengadakan rundingan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya sendiri telah mempunyai cadangan untuk merundingkan lagi dengan Kerajaan Pulau Pinang sekiranya sesuatu dapat dibuat untuk memenuhi hasrat mereka yang dikatakan itu demi kepentingan keselesaan hidup mereka di Pulau Pinang, baik yang kaya ataupun miskin, dan sepertimana yang saya katakan bahawa saya telahpun mengarahkan supaya disediakan satu kertaskerja bagi panduan saya untuk merundingkan hal ini dan saya tidaklah dapat berkata lebih daripada itu pada masa ini. Saya harap bahawa sesuatu dapat dibuat dan dapat diperbetulkan.

Sebenarnya, Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun apa yang dinamakan Akta 171 ini bukanlah sesuatu yang keras atau yang beku, apa lagi yang terlalu berat untuk dibebankan kepada penduduk-penduduk di sesuatu

kawasan yang hendak dimasukkan dalam Penguasa Tempatan. Ada peruntukan-peruntukan yang boleh memberikan pertimbangan kepada masalah-masalah mereka itu tatkala sesebuah Kerajaan Negeri hendak mengadakan susunan semula seperti meluaskan ataupun memperbaiki lagi sesuatu kawasan Penguasa Tempatan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang dan juga dari Kangar telah menyebutkan bagaimana kelemahan-kelemahan pentadbiran di Penguasa Tempatan, mungkin di kawasannya ataupun di Negerinya, tetapi ini adalah satu perkara yang memang disedari oleh Kementerian saya dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini seperti memberi bantuan kewangan, bantuan pelancaran sebagaimana yang telah saya umumkan baharu-baharu ini, iaitu bantuan bagi pelancaran menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan dan juga grant tahunan bagi Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disusun semula serta juga arahan-arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menyediakan beberapa langkah untuk memperbaiki dan memperkemas susunan Penguasa-penguasa Tempatan ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ulasan yang telah dibuat mengenai keutamaan-keutamaan yang patut diberi kepada Ahli-ahli Mesyuarat Penguasa Tempatan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang, sukalah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya telahpun memberikan arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan baharu-baharu ini supaya hak-hak yang lebih baik, elaun yang lebih baik dan juga kemudahan-kemudahan hospital yang

lebih baik sesuai dengan tarafnya sebagai Ahli Mesyuarat Penguasa Tempatan dapat diberikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya atas pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, pada awal persidangan tadi suatu Usul menangguk mesyuarat telah dikemukakan dan dipersetujui dan sekarang Urusan Mesyuarat semuanya sudah selesai.

Dewan ini ditangguk sehingga pada suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Dewan ditangguk pada pukul 6.05 petang.